



NOTA PENERANGAN BE 2020

INDIVIDU PEMASTAUTIN YANG TIDAK MENJALANKAN PERNIAGAAN

TAMBAHAN / PINDAAN

| Ruang | Perkara | Muka Surat |
|--------------|--|-------------------|
| B5 | Pelaburan yang diluluskan di bawah insentif cukai bagi pelabur mangkin | 5 |
| B20 | Bayaran yang telah dibuat untuk pendapatan tahun 2020 – SENDIRI dan SUAMI / ISTERI bagi taksiran bersama | 8 |
| D4 | Mempunyai akaun kewangan di institusi kewangan di luar negara | 9-10 |
| E | Derma / Hadiah / Sumbangan | 10-11 |
| F6b | Perbelanjaan perubatan bagi rawatan kesuburan ke atas diri sendiri atau suami / isteri | 14 |
| F8b | Gaya hidup – Pembelian komputer peribadi, telefon pintar atau tablet untuk kegunaan / manfaat diri sendiri, suami / isteri atau anak dan bukan untuk kegunaan perniagaan | 15 |
| F17 | Insurans pendidikan dan perubatan | 22 |
| F19 | Bayaran penginapan di premis penginapan yang berdaftar dengan Pesuruhjaya Pelancongan dan bayaran masuk ke tempat tarikan pelancong | 23 |
| G | Tuntutan Insentif | 23-24 |
| - | Jadual Cukai Tahun Taksiran 2020 | 25 |

Nota ini disediakan bagi membantu **individu** yang **bermastautin di Malaysia** mengikut peruntukan seksyen 7 Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967) atau **dianggap bermastautin** di bawah subseksyen 7(1B) Akta yang sama, untuk melengkapkan Borang BE bagi Tahun Taksiran 2020. Sila baca nota ini dengan teliti supaya pengisian dan pengisytiharan semua punca pendapatan bagi Tahun Taksiran 2020 adalah benar, lengkap dan betul.

Bagi individu berkahwin yang memilih taksiran bersama, sama ada atas nama suami atau isteri dan mempunyai jumlah pendapatan yang disatukan, kedua-dua suami isteri perlu mengisi secara berasingan sama ada:

- (a) Borang B (individu yang menjalankan perniagaan); atau
- (b) Borang BT * (pekerja berpengetahuan atau pekerja berkepakaran yang telah diluluskan oleh Menteri); atau
- (c) Borang BE (individu yang tidak menjalankan perniagaan).

* Untuk keterangan lanjut, sila rujuk P.U. (A) 344/2010 berkaitan pekerja berpengetahuan dan P.U. (A) 151/2012 berkaitan Program Kepulangan Pakar di Portal Rasmi Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM).

Semua rekod, helaian kerja dan dokumen tidak perlu disertakan semasa pengemukaan Borang BE KECUALI bagi kes pembayaran balik, yang mana helaian kerja berikut perlu dikemukakan:-

- (i) Helaian Kerja HK-6 mengenai tolakan cukai di bawah seksyen 110 (lain-lain); dan
- (ii) Helaian Kerja HK-8 / HK-9 (jika berkenaan) berhubung dengan potongan cukai yang telah dibuat di negara asing.

Helaian kerja, lampiran dan maklumat lain untuk melengkapkan Borang BE boleh diperolehi di Portal Rasmi LHDNM:

<http://www.hasil.gov.my> > Borang > Muat Turun Borang > Individu > **Panduan Pengiraan & Maklumat Lain.**

Rekod, dokumen dan helaian kerja yang digunakan dalam pengiraan hendaklah disimpan selama tujuh (7) tahun bermula daripada akhir tahun dalam mana borang nyata tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri, untuk rujukan dan semakan sekiranya diperlukan kelak.

Sila isi semua ruangan yang berkaitan dengan **HURUF BESAR** dan gunakan pen mata bulat berdakwat **hitam**. Biarkan kosong sekiranya ruangan yang disediakan adalah tidak berkenaan.

MAKLUMAT ASAS

| | | |
|-------------------|---|---|
| 1 - 4 | Isikan maklumat yang berkenaan sahaja. Untuk ruangan 'No. cukai pendapatan', isikan SG atau OG dan diikuti dengan no. cukai pendapatan dalam kotak yang disediakan. Contoh: No. cukai pendapatan SG 10234567080 | |
| | No. cukai pendapatan | SG 10234567080 |
| 5 | No. pasport didaftarkan dengan LHDNM | Isikan no. pasport terakhir yang telah didaftarkan dengan LHDNM sebelum bertukar kepada pasport semasa. |
| BAHAGIAN A | | MAKLUMAT INDIVIDU |
| A1 | Warganegara | Isi 'MY' bagi warganegara Malaysia. Sekiranya bukan warganegara Malaysia, sila rujuk kod negara yang disediakan di muka surat 25 nota penerangan ini atau Lampiran E. |
| A2 | Jantina | Isikan '1' untuk lelaki atau '2' untuk perempuan. |
| A3 | Tarikh lahir | Isikan tarikh lahir mengikut turutan: hari, bulan dan tahun. |
| A4 | Status pada 31-12-2020 | Isikan '1' untuk bujang; '2' untuk kahwin; '3' untuk janda / balu / duda; '4' untuk mati. |
| A5 | Tarikh kahwin / cerai / mati | Jika perkahwinan / perpisahan mengikut undang-undang atau kematian berlaku dalam tahun semasa, isikan tarikh mengikut turutan: hari, bulan dan tahun. |

| | | |
|----|----------------|--|
| A6 | Jenis taksiran | <p>Isikan:</p> <p>(i) '1' jika isteri memilih taksiran bersama dan taksiran dikeluarkan atas nama suami. Isteri tidak perlu mengisi ruang B9 hingga B21 dan Bahagian F Borang BE; atau</p> <p>(ii) '2' jika suami memilih taksiran bersama dan taksiran dikeluarkan atas nama isteri. Suami tidak perlu mengisi ruang B9 hingga B21 dan Bahagian F Borang BE; atau</p> <p>(iii) '3' jika individu dan pasangan memilih taksiran berasingan; atau</p> <p>(iv) '4' jika suami / isteri tiada pendapatan atau tiada punca pendapatan atau pendapatan dikecualikan cukai; atau</p> <p>(v) '5' jika status individu adalah bujang / janda / balu / duda / si mati.</p> <p>Nota:-</p> <p>Syarat-syarat kelayakan untuk taksiran bersama:</p> <p>a) Suami dan isteri tinggal bersama dalam tahun asas dan tidak berhenti tinggal bersama dalam tahun asas tersebut;</p> <p>b) Mempunyai jumlah pendapatan untuk diagregatkan dengan jumlah pendapatan suami / isteri;</p> <p>c) Suami / isteri yang memilih taksiran bersama mesti warganegara Malaysia, jika tidak bermastautin;</p> <p>d) Pengagregatan jumlah pendapatan hanya boleh dibuat dengan seorang isteri sahaja.</p> |
|----|----------------|--|

BAHAGIAN B

PENGIRAAN CUKAI PENDAPATAN

| | |
|----|--------------------------------|
| B1 | Pendapatan berkanun penggajian |
|----|--------------------------------|

| B1a | Bilangan penggajian | <p>Ruang ini perlu diisi sekiranya mempunyai pendapatan berkanun daripada penggajian.</p> <table border="1" data-bbox="533 1137 1505 1720"> <thead> <tr> <th data-bbox="533 1137 592 1211">Bil.</th> <th data-bbox="592 1137 1331 1211">Contoh</th> <th data-bbox="1331 1137 1505 1211">Bilangan Penggajian</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="533 1211 592 1285">1.</td> <td data-bbox="592 1211 1331 1285">Encik Adi menerima bayaran yuran pengarah daripada Mas Sdn. Bhd. dan Dinar Sdn. Bhd. dalam tahun 2020</td> <td data-bbox="1331 1211 1505 1285">2</td> </tr> <tr> <td data-bbox="533 1285 592 1458">2.</td> <td data-bbox="592 1285 1331 1458">Encik Sami bekerja dengan majikan-majikan berikut pada tahun 2020:- i. GHI Sdn. Bhd. : Jan. 2020 – April 2020 ii. HIL Sdn. Bhd. : Mei 2020 – Nov. 2020 iii. GHI Sdn. Bhd. : Dis. 2020</td> <td data-bbox="1331 1285 1505 1458">3</td> </tr> <tr> <td data-bbox="533 1458 592 1720">3.</td> <td data-bbox="592 1458 1331 1720">Puan Edith yang bekerja dengan MDP Holdings Bhd., dipinjamkan ke MDP Technology Sdn. Bhd. (dalam kumpulan syarikat yang sama) dari 1 Jun 2020 hingga 30 Sept. 2020. Gajinya bagi Jun hingga Sept. 2020 dibayar oleh MDP Holdings Bhd. i. MDP Holdings Bhd. : Jan. 2020 – Mei 2020 ii. MDP Technology Sdn. Bhd. : Jun 2020 – Sept. 2020 iii. MDP Holdings Bhd. : Okt. 2020 – Dis. 2020</td> <td data-bbox="1331 1458 1505 1720">1</td> </tr> </tbody> </table> | Bil. | Contoh | Bilangan Penggajian | 1. | Encik Adi menerima bayaran yuran pengarah daripada Mas Sdn. Bhd. dan Dinar Sdn. Bhd. dalam tahun 2020 | 2 | 2. | Encik Sami bekerja dengan majikan-majikan berikut pada tahun 2020:- i. GHI Sdn. Bhd. : Jan. 2020 – April 2020 ii. HIL Sdn. Bhd. : Mei 2020 – Nov. 2020 iii. GHI Sdn. Bhd. : Dis. 2020 | 3 | 3. | Puan Edith yang bekerja dengan MDP Holdings Bhd., dipinjamkan ke MDP Technology Sdn. Bhd. (dalam kumpulan syarikat yang sama) dari 1 Jun 2020 hingga 30 Sept. 2020. Gajinya bagi Jun hingga Sept. 2020 dibayar oleh MDP Holdings Bhd. i. MDP Holdings Bhd. : Jan. 2020 – Mei 2020 ii. MDP Technology Sdn. Bhd. : Jun 2020 – Sept. 2020 iii. MDP Holdings Bhd. : Okt. 2020 – Dis. 2020 | 1 |
|------|--|---|------|--------|---------------------|----|---|---|----|--|---|----|--|---|
| Bil. | Contoh | Bilangan Penggajian | | | | | | | | | | | | |
| 1. | Encik Adi menerima bayaran yuran pengarah daripada Mas Sdn. Bhd. dan Dinar Sdn. Bhd. dalam tahun 2020 | 2 | | | | | | | | | | | | |
| 2. | Encik Sami bekerja dengan majikan-majikan berikut pada tahun 2020:- i. GHI Sdn. Bhd. : Jan. 2020 – April 2020 ii. HIL Sdn. Bhd. : Mei 2020 – Nov. 2020 iii. GHI Sdn. Bhd. : Dis. 2020 | 3 | | | | | | | | | | | | |
| 3. | Puan Edith yang bekerja dengan MDP Holdings Bhd., dipinjamkan ke MDP Technology Sdn. Bhd. (dalam kumpulan syarikat yang sama) dari 1 Jun 2020 hingga 30 Sept. 2020. Gajinya bagi Jun hingga Sept. 2020 dibayar oleh MDP Holdings Bhd. i. MDP Holdings Bhd. : Jan. 2020 – Mei 2020 ii. MDP Technology Sdn. Bhd. : Jun 2020 – Sept. 2020 iii. MDP Holdings Bhd. : Okt. 2020 – Dis. 2020 | 1 | | | | | | | | | | | | |

Gaji, bonus, yuran pengarah, komisen dan apa-apa perkuisit [seperti skim opsyen saham (Ketetapan Umum No. 11/2012), premium insurans / yuran sekolah dan tuisyen yang dibayar oleh majikan] hendaklah dilaporkan. Perbelanjaan keraian dan perjalanan adalah potongan yang dibenarkan dengan syarat perbelanjaan dilakukan dalam menghasilkan pendapatan penggajian dan dalam menjalankan tugas rasmi. Tuntutan perbelanjaan keraian dihadkan kepada jumlah elaun keraian yang dimasukkan sebagai pendapatan kasar daripada penggajian. Sekiranya perbelanjaan dibayar ganti oleh majikan, ia tidak merupakan perbelanjaan yang boleh dituntut sebagai potongan dan juga tidak dikenakan cukai.

Amaun N4 dari Helaiian Kerja HK-2.

Nota:

Mulai Tahun Taksiran 2016, pendapatan kasar daripada penggajian bagi mana-mana tempoh akan dikenakan cukai dalam tahun ia diterima [Subseksyen 25(1) ACP 1967].

Elaun / perkuisit / pemberian / manfaat yang dikecualikan cukai

Rujuk: Ketetapan Umum No. 5/2019 (Perkuisit Daripada Penggajian); dan
Ketetapan Umum No. 11/2019 (Manfaat Berupa Barangan)

Ganjaran (Rujukan: Ketetapan Umum No. 9/2016)

Ganjaran merupakan sejumlah wang yang diterima semasa persaraan / tamat kontrak dan dianggap sebagai hadiah untuk perkhidmatan yang lalu. Rujuk Helaian Kerja HK-2.2 dan Lampiran B1 untuk pengiraan.

1. Ganjaran berikut dikecualikan daripada cukai pendapatan:

i) **Ganjaran persaraan**

- (a) Ketua Pengarah berpuas hati bahawa persaraan daripada penggajian itu disebabkan gangguan kesihatan; atau
- (b) Persaraan itu berlaku pada atau selepas seseorang itu mencapai umur 55 tahun atau mencapai umur wajib bersara dari penggajiannya dan telah berkhidmat berturut-turut selama 10 tahun dengan majikan yang sama atau dengan syarikat di dalam kumpulan yang sama; atau
- (c) Persaraan itu berlaku apabila mencapai umur wajib bersara di bawah satu kontrak penggajian atau perjanjian kolektif pada umur 50 tahun tetapi sebelum 55 tahun dan telah berkhidmat selama 10 tahun dengan majikan yang sama atau dengan syarikat dalam kumpulan yang sama.

ii) **Ganjaran yang dibayar daripada kumpulan wang awam** - Ganjaran yang dibayar kepada pekerja dari kumpulan wang awam apabila bersara daripada penggajian di bawah mana-mana undang-undang bertulis.iii) **Ganjaran yang dibayar kepada pegawai kontrak** - Ganjaran yang dibayar daripada kumpulan wang awam kepada pegawai kontrak apabila tamat kontrak penggajiannya tidak kira sama ada kontraknya diperbaharui ataupun tidak.iv) **Ganjaran kematian** - Wang yang diterima sebagai ganjaran kematian.2. **Pengecualian sebahagian atas ganjaran**

Mulai Tahun Taksiran 2016, seseorang pekerja yang menerima wang sebagai ganjaran:

- i) apabila bersara daripada suatu penggajian; atau
- ii) atas pemberhentian suatu kontrak penggajian

selain daripada ganjaran yang layak pengecualian di bawah perenggan 1 di atas, adalah layak mendapat pengecualian sebanyak **RM1,000 bagi setiap tahun genap perkhidmatan**. Walau bagaimanapun, bagi tujuan pengiraan pengecualian sebahagian, tempoh penggajian dengan syarikat-syarikat lain dalam kumpulan yang sama TIDAK DIANGGAP sebagai tempoh penggajian dengan majikan yang sama.

Elaun Cukai – Cukai pendapatan seseorang pekerja yang ditanggung oleh majikannya adalah Elaun Cukai yang dikenakan cukai di bawah peruntukan perenggan 13(1)(a) ACP 1967. Sila rujuk Helaian Kerja HK-2.3, Lampiran B2, dan Ketetapan Umum No. 11/2016 untuk pengiraan.

Yuran Kepada Badan Profesional – Yuran kepada badan profesional berhubung keahlian untuk mengekalkan kedudukan profesion berkaitan dan menjalankan pekerjaan dibenarkan sebagai tolakan, contohnya yuran profesion perubatan atau guaman.

Bayaran Balik Pinjaman Pendidikan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN) Oleh Majikan

Nilai manfaat hendaklah merupakan **amaun pinjaman pendidikan PTPTN yang dibayar oleh majikan** bagi pihak pekerjanya bagi suatu tempoh yang tidak lebih awal daripada 1 Januari 2019 dan tidak lewat daripada 31 Disember 2021.

Syarat-syarat pengecualian:

- Pekerja adalah warganegara Malaysia yang telah menerima pinjaman daripada PTPTN.
- Pekerja diambil kerja secara sepenuh masa; dan bukan saudara-mara majikannya.

Rujuk Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 8) 2019 [P.U. (A) 205/2019] dan Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 8) (Pindaan) 2019 [P.U. (A) 414/2019] yang berkuat kuasa mulai tahun

taksiran 2019 hingga tahun taksiran 2021.

Nota:

Pekerja yang menuntut pengecualian ini perlu mengisi maklumat tuntutan insentif di **Bahagian G**.

Manfaat Berupa Barangan (MBB) – Nilai tahunan manfaat berupa barangan yang disediakan oleh majikan seperti kereta, minyak, pemandu, kelengkapan rumah, perkakas dan perlengkapan, telefon bimbit, aset-aset untuk tujuan keraian dan rekreasi.

Rujuk Helaian Kerja HK-2.4, Lampiran B3, dan Ketetapan Umum No.11/2019 untuk pengiraan.

Nilai Tempat Kediaman – Nilai tempat kediaman yang disediakan oleh majikan di Malaysia.

Rujuk Helaian Kerja HK-2.5, Lampiran B4, dan Ketetapan Umum No. 3/2005 (Asal dan Tambahan) untuk pengiraan.

Bayaran Balik Daripada Skim Pencen Yang Tidak Diluluskan – Amaun yang dicarum oleh majikan kepada tabung pencen atau kewangan yang tidak diluluskan yang diterima oleh pekerja sebelum atau selepas tamat pengajian. Rujuk Helaian Kerja HK-2.6 untuk pengiraan.

Pampasan – Bayaran yang dibuat oleh majikan kepada pekerja disebabkan kehilangan pekerjaan atau sebab-sebab lain. Rujuk Helaian Kerja HK-2.7, Lampiran B5, dan Ketetapan Umum No. 1/2012 untuk pengiraan.

Pengecualian penuh atau sebahagian atas pampasan disebabkan kehilangan pekerjaan:

- (i) **Pengecualian penuh** – Jika Ketua Pengarah berpuas hati bahawa bayaran dilakukan kerana kehilangan pekerjaan disebabkan gangguan kesihatan; atau
- (ii) **Pengecualian sebahagian** – Bagi pemberhentian kerja pada atau selepas **1 Julai 2008**, pampasan selain daripada perenggan (i) di atas adalah layak mendapat pengecualian sebanyak **RM10,000 bagi setiap tahun lengkap perkhidmatan** dengan majikan yang sama atau dengan syarikat dalam kumpulan yang sama. Bagi tahun taksiran 2020 dan 2021, had pengecualian cukai bagi bayaran pampasan atas kehilangan pekerjaan dinaikkan kepada **RM20,000 untuk setiap tahun lengkap perkhidmatan** dengan majikan yang sama atau dengan syarikat dalam kumpulan yang sama.

| | | |
|----|---------|--|
| B2 | Sewa | Penerimaan dari sewaan rumah, rumah kedai, tanah, loji, mesin, perabot dan lain-lain. Amaun C3 dari Helaian Kerja HK-4. |
| B3 | Faedah | Pendapatan faedah yang diterima oleh individu bermastautin daripada wang yang didepositkan dalam institusi berikut adalah dikecualikan cukai: (i) Bank atau syarikat kewangan yang dilesenkan atau yang disifatkan dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013; (ii) Bank yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013; (iii) Institusi kewangan pembangunan yang ditetapkan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002; (iv) Lembaga Tabung Haji yang ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995; (v) Malaysia Building Society Berhad yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016; (vi) Borneo Housing Finance Berhad yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016; dan (vii) Koperasi yang didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993. |
| | Diskaun | Pendapatan daripada urus niaga pendiskaunan yang melibatkan bil perbendaharaan, bil pertukaran atau nota janji hutang. |

| | Royalti | <p>Penerimaan dari penggunaan hak cipta / paten yang melebihi had pengecualian seperti berikut dikenakan cukai:</p> <table border="1" data-bbox="507 152 1533 479"> <thead> <tr> <th data-bbox="507 152 592 208">Bil.</th> <th data-bbox="592 152 1257 208">Jenis Royalti</th> <th data-bbox="1257 152 1533 208">Pengecualian (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="507 208 592 297">(i)</td> <td data-bbox="592 208 1257 297">Penerimaan dari penerbitan hasil seni / rakaman pita / cakera</td> <td data-bbox="1257 208 1533 297">10,000</td> </tr> <tr> <td data-bbox="507 297 592 387">(ii)</td> <td data-bbox="592 297 1257 387">Penerimaan hasil penterjemahan buku / karya kesusasteraan</td> <td data-bbox="1257 297 1533 387">12,000</td> </tr> <tr> <td data-bbox="507 387 592 479">(iii)</td> <td data-bbox="592 387 1257 479">Penerimaan hasil penerbitan karya kesusasteraan / lukisan asli / penggubahan muzik</td> <td data-bbox="1257 387 1533 479">20,000</td> </tr> </tbody> </table> <p>Amaun H dari Helaian Kerja HK-5.</p> | Bil. | Jenis Royalti | Pengecualian (RM) | (i) | Penerimaan dari penerbitan hasil seni / rakaman pita / cakera | 10,000 | (ii) | Penerimaan hasil penterjemahan buku / karya kesusasteraan | 12,000 | (iii) | Penerimaan hasil penerbitan karya kesusasteraan / lukisan asli / penggubahan muzik | 20,000 |
|-------|--|---|------|---------------|-------------------|-----|---|--------|------|---|--------|-------|--|--------|
| Bil. | Jenis Royalti | Pengecualian (RM) | | | | | | | | | | | | |
| (i) | Penerimaan dari penerbitan hasil seni / rakaman pita / cakera | 10,000 | | | | | | | | | | | | |
| (ii) | Penerimaan hasil penterjemahan buku / karya kesusasteraan | 12,000 | | | | | | | | | | | | |
| (iii) | Penerimaan hasil penerbitan karya kesusasteraan / lukisan asli / penggubahan muzik | 20,000 | | | | | | | | | | | | |
| | Pencen | <ul style="list-style-type: none"> • Pencen yang diterima dari Malaysia dan dibayar oleh Kerajaan atau daripada skim pencen yang diluluskan kepada seseorang apabila bersara pada umur 55 tahun atau pada umur persaraan wajib di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau persaraan atas sebab keuzuran, adalah dikecualikan cukai. • Di mana seseorang mendapat lebih daripada satu pencen, hanya pencen yang tertinggi dikecualikan. Pencen yang lain hendaklah dilaporkan. | | | | | | | | | | | | |
| | Anuiti | Jumlah yang ditetapkan mengikut syarat-syarat wasiat atau pelaburan wang yang melayakkan waris atau pelabur menerima bayaran tahunan, sama ada untuk selama-lamanya atau sesuatu tempoh. | | | | | | | | | | | | |
| | Bayaran berkala lain | Bayaran yang dibuat berulang kali pada masa-masa tertentu. | | | | | | | | | | | | |
| | Apa-apa perolehan atau keuntungan lain | Pendapatan lain seperti bayaran sekali sekala untuk penyiaran, syarahan, tulisan atau sebagainya yang terbit daripada usaha / pekerjaan sampingan atau sambilan. | | | | | | | | | | | | |
| B5 | Pelaburan yang diluluskan di bawah insentif cukai bagi pelabur mangkin | <p>Insentif cukai bagi pelaburan yang dibuat oleh seorang pelabur mangkin bertauliah dalam sebuah syarikat penerima pelaburan yang layak. Amaun pendapatan agregat dikecualikan bersamaan dengan amaun pelaburan yang dibuat dalam syarikat penerima pelaburan. Pengecualian diberi tertakluk kepada syarat yang dinyatakan dalam surat kelulusan Menteri Kewangan termasuklah :</p> <p>a) Pelaburan tidak boleh dilupuskan (sepenuhnya atau sebahagian) dalam tempoh dua (2) tahun dari tarikh pelaburan itu dibuat; dan</p> <p>b) Amaun pelaburan yang dibuat untuk tempoh setahun adalah tidak kurang daripada RM5,000 dan tidak lebih daripada RM500,000</p> <p>Insentif cukai ini layak dituntut bagi permohonan yang diterima untuk mendapatkan kelulusan Menteri Kewangan dalam tempoh 1 Januari 2013 sehingga 31 Disember 2023.</p> <p>Sila rujuk Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 3) 2014 [<i>P.U.(A) 167/2014</i>], Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (Pindaan) 2019 [<i>P.U.(A) 399/2019</i>] dan Ketetapan Umum No. 12/2020 – Insentif Cukai Bagi Pelabur Mangkin, untuk maklumat lanjut.</p> <p>Amaun B5 adalah terhad kepada amaun B4. Jika amaun B5 melebihi B4, masukkan amaun B4 ke ruang ini.</p> | | | | | | | | | | | | |
| B7 | Derma / hadiah / sumbangan yang diluluskan | <p>Pindahkan amaun dari ruang E8, jika ada.</p> <p>Sila rujuk Ketetapan Umum No. 8/2020.</p> <p>Resit dan dokumen sokongan hendaklah disimpan selama tempoh tujuh (7) tahun bermula daripada akhir tahun dalam mana borang nyata tersebut telah dikemukakan kepada LHDNM, untuk tujuan rujukan dan semakan sekiranya diperlukan kelak.</p> | | | | | | | | | | | | |

| | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
|--|--|--|---|------|-----------|--|--|--|---------------------------------|--------|-----|--|------|---------|-------------------------|--------|-----|----------------|------|---------|---|--|--|--|-----|-----------|
| B9 | JUMLAH PENDAPATAN YANG DIPINDAHKAN DARI SUAMI / ISTERI * BAGI TAKSIRAN BERSAMA * jenis pendapatan SUAMI / ISTERI yang dipindahkan | RUANG B9 DAN B10 HANYA PERLU DIISI OLEH INDIVIDU DI MANA TAKSIRAN BERSAMA DIKELUARKAN ATAS NAMANYA. Pindahkan jumlah pendapatan suami / isteri yang ingin disatukan bersama jumlah pendapatan individu ke ruang ini. Nota: Isi '1' jika pendapatan suami / isteri yang dipindahkan terdapat punca pendapatan perniagaan atau '2' jika tiada. Ruang B9 dan B10 TIDAK PERLU diisi jika: (i) status individu adalah bujang / janda / duda (ii) suami / isteri tiada pendapatan, tiada punca pendapatan atau mempunyai pendapatan dikecualikan cukai (iii) individu memilih taksiran berasingan (iv) individu memilih taksiran bersama dan taksiran dikeluarkan atas nama suami / isterinya | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| B11 | Jumlah pelepasan | Pindahkan amaun dari F20. | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| B12 | PENDAPATAN BERCUKAI | Amaun (B8 tolak B11) atau (B10 tolak B11). | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| B13 | PENGIRAAN CUKAI PENDAPATAN | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| B13a | Cukai ke atas yang pertama | Padankan amaun di B12 (pendapatan bercukai) dengan banjaran pendapatan bercukai yang disediakan dalam Jadual Cukai di muka surat 25 nota penerangan ini). | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| B13b | Cukai ke atas baki | <i>Contoh:</i> Pendapatan bercukai di B12 RM 45,500 Guna pengiraan di kategori D jadual cukai seperti berikut: | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| B14 | JUMLAH CUKAI PENDAPATAN | Cukai ke atas RM35,000 yang pertama RM 600.00 Cukai ke atas baki RM10,500 @ 8% RM 840.00 Jumlah cukai pendapatan RM1,440.00 Masukkan di ruang B13a, B13b dan B14 dalam Borang BE seperti berikut: | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| <table border="1"> <tr> <td colspan="6">B13 PENGIRAAN CUKAI PENDAPATAN (Rujuk jadual kadar cukai yang disediakan di Portal Rasmi LHDNM, http://www.hasil.gov.my)</td> </tr> <tr> <td>B13a Cukai ke atas yang pertama</td> <td>35,000</td> <td>.00</td> <td></td> <td>B13a</td> <td>600 .00</td> </tr> <tr> <td>B13b Cukai ke atas baki</td> <td>10,500</td> <td>.00</td> <td>Atas kadar 8 %</td> <td>B13b</td> <td>840 .00</td> </tr> <tr> <td>B14 JUMLAH CUKAI PENDAPATAN (B13a + B13b)</td> <td></td> <td></td> <td></td> <td>B14</td> <td>1,440 .00</td> </tr> </table> | | | B13 PENGIRAAN CUKAI PENDAPATAN (Rujuk jadual kadar cukai yang disediakan di Portal Rasmi LHDNM, http://www.hasil.gov.my) | | | | | | B13a Cukai ke atas yang pertama | 35,000 | .00 | | B13a | 600 .00 | B13b Cukai ke atas baki | 10,500 | .00 | Atas kadar 8 % | B13b | 840 .00 | B14 JUMLAH CUKAI PENDAPATAN (B13a + B13b) | | | | B14 | 1,440 .00 |
| B13 PENGIRAAN CUKAI PENDAPATAN (Rujuk jadual kadar cukai yang disediakan di Portal Rasmi LHDNM, http://www.hasil.gov.my) | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| B13a Cukai ke atas yang pertama | 35,000 | .00 | | B13a | 600 .00 | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| B13b Cukai ke atas baki | 10,500 | .00 | Atas kadar 8 % | B13b | 840 .00 | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| B14 JUMLAH CUKAI PENDAPATAN (B13a + B13b) | | | | B14 | 1,440 .00 | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| B15 | JUMLAH REBAT | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Sendiri | Rebat cukai individu adalah sebanyak RM400 bagi pendapatan bercukai yang tidak melebihi RM35,000. Perenggan 6A(2)(a) ACP 1967. | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Suami / isteri | Rebat cukai suami / isteri adalah sebanyak RM400 bagi pendapatan bercukai yang tidak melebihi RM35,000 dan telah dibenarkan pelepasan suami / isteri sebanyak RM4,000. Perenggan 6A(2)(b) / Perenggan 6A(2)(c) ACP 1967. | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |

| <p>Levi pelepasan bagi perjalanan umrah / perjalanan tujuan keagamaan agama lain</p> | <p>Rebat cukai ini diberikan kepada mana-mana individu yang meninggalkan Malaysia melalui udara untuk tujuan menunaikan umrah atau ziarah ke tempat suci untuk tujuan keagamaan agama lain tetapi BUKAN untuk menunaikan haji.</p> <p>Rebat yang dibenarkan adalah bersamaan amaun levi pelepasan yang dibayar tetapi tuntutan adalah terhad kepada dua (2) kali perjalanan seumur hidup.</p> <p>Kelayakan tuntutan hendaklah dibuktikan dengan dokumen berikut:-</p> <p>a) pas masuk (<i>boarding pass</i>); dan</p> <p>b) bagi kes:</p> <p>(i) umrah - salinan visa yang dikeluarkan oleh kedutaan Arab Saudi</p> <p>(ii) ziarah ke tempat suci untuk tujuan keagamaan agama lain - pengesahan perjalanan yang sah daripada badan keagamaan yang diiktiraf di bawah Jawatankuasa Mempromosi Persefahaman Dan Keharmonian Antara Penganut Agama, Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional di Jabatan Perdana Menteri.</p> <table border="1" data-bbox="552 741 1505 909"> <thead> <tr> <th rowspan="2">Negara / Kelas</th> <th colspan="2">Negara ASEAN</th> <th colspan="2">Selain negara ASEAN</th> </tr> <tr> <th>Kelas ekonomi</th> <th>Selain kelas ekonomi</th> <th>Kelas ekonomi</th> <th>Selain kelas ekonomi</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Kadar levi pelepasan</td> <td>RM8</td> <td>RM50</td> <td>RM20</td> <td>RM150</td> </tr> </tbody> </table> <p>Nota: 'Negara ASEAN' ertinya Brunei Darussalam, Negara Cambodia, Republik Indonesia, Republik Demokratik Rakyat Lao, Kesatuan Myanmar, Republik Filipina, Republik Singapura, Negara Thailand atau Republik Sosialis Vietnam.</p> <p>P.U. (A) 213/2019 (Kadar Levi Pelepasan) dan subseksyen 6A(2A) ACP 1967.</p> <table border="1" data-bbox="507 1066 1525 1469"> <tr> <td> <p>Bagi jenis taksiran berikut:-</p> <p>a) taksiran bersama;</p> <p>b) taksiran berasingan; atau</p> <p>c) taksiran diri sendiri di mana pasangan tiada pendapatan, tiada punca pendapatan atau tiada jumlah pendapatan</p> </td> </tr> <tr> <td> <p>Individu yang atas namanya taksiran itu dibangkitkan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • hanya layak menuntut levi pelepasan yang dibayar bagi perjalanan diri sendiri; • TIDAK layak menuntut levi pelepasan yang dibayar bagi perjalanan pasangannya, ahli keluarga atau orang lain. • TIDAK layak menuntut levi pelepasan bagi perjalanan sendiri yang dibayar oleh pihak lain. </td> </tr> </table> | Negara / Kelas | Negara ASEAN | | Selain negara ASEAN | | Kelas ekonomi | Selain kelas ekonomi | Kelas ekonomi | Selain kelas ekonomi | Kadar levi pelepasan | RM8 | RM50 | RM20 | RM150 | <p>Bagi jenis taksiran berikut:-</p> <p>a) taksiran bersama;</p> <p>b) taksiran berasingan; atau</p> <p>c) taksiran diri sendiri di mana pasangan tiada pendapatan, tiada punca pendapatan atau tiada jumlah pendapatan</p> | <p>Individu yang atas namanya taksiran itu dibangkitkan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • hanya layak menuntut levi pelepasan yang dibayar bagi perjalanan diri sendiri; • TIDAK layak menuntut levi pelepasan yang dibayar bagi perjalanan pasangannya, ahli keluarga atau orang lain. • TIDAK layak menuntut levi pelepasan bagi perjalanan sendiri yang dibayar oleh pihak lain. |
|--|--|---|---------------------|----------------------|---------------------|--|---------------|----------------------|---------------|----------------------|----------------------|-----|------|------|-------|---|--|
| Negara / Kelas | Negara ASEAN | | Selain negara ASEAN | | | | | | | | | | | | | | |
| | Kelas ekonomi | Selain kelas ekonomi | Kelas ekonomi | Selain kelas ekonomi | | | | | | | | | | | | | |
| Kadar levi pelepasan | RM8 | RM50 | RM20 | RM150 | | | | | | | | | | | | | |
| <p>Bagi jenis taksiran berikut:-</p> <p>a) taksiran bersama;</p> <p>b) taksiran berasingan; atau</p> <p>c) taksiran diri sendiri di mana pasangan tiada pendapatan, tiada punca pendapatan atau tiada jumlah pendapatan</p> | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| <p>Individu yang atas namanya taksiran itu dibangkitkan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • hanya layak menuntut levi pelepasan yang dibayar bagi perjalanan diri sendiri; • TIDAK layak menuntut levi pelepasan yang dibayar bagi perjalanan pasangannya, ahli keluarga atau orang lain. • TIDAK layak menuntut levi pelepasan bagi perjalanan sendiri yang dibayar oleh pihak lain. | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| <p>Zakat dan fitrah</p> | <p>Bayaran dalam tahun asas bagi zakat dan fitrah yang wajib dibayar. Subseksyen 6A(3) ACP 1967.</p> | | | | | | | | | | | | | | | | |
| <p>B17</p> | <p>Tolakan cukai seksyen 110 (lain-lain)</p> | <p>Gunakan Helaian Kerja HK-6 untuk membuat pengiraan tolakan cukai seksyen 110 ke atas lain-lain pendapatan seperti faedah, royalti, pendapatan seksyen 4A dan pendapatan daripada amanah.</p> <p>Tolakan cukai di Seksyen 110 (lain-lain) TIDAK termasuk bayaran cukai pegangan yang tertakluk di bawah Seksyen 107A ACP 1967.</p> <p>Sertakan Helaian Kerja HK-6 sekiranya tuan layak menuntut pembayaran balik.</p> <p>Amaun B dari Helaian Kerja HK-6.</p> | | | | | | | | | | | | | | | |
| | <p>Pelepasan cukai seksyen 132</p> | <p>Pelepasan cukai berhubung dengan pendapatan yang dibawa masuk ke Malaysia di mana cukai telah dikenakan di negara asal yang telah memeterai perjanjian pengelakan pencukaian dua kali (PPPDK) dengan Malaysia.</p> <p>Rujuk Lampiran F untuk senarai negara-negara yang telah memeterai PPPDK dengan Malaysia.</p> | | | | | | | | | | | | | | | |

| | | |
|-----|--|---|
| | | Rujuk Jadual 7 ACP 1967 dan Helaian Kerja HK-8 untuk membuat pengiraan kredit. |
| | Pelepasan cukai seksyen 133 | <p>Pelepasan cukai berhubung dengan pendapatan yang dibawa masuk ke Malaysia di mana cukai telah dikenakan di negara asal yang TIDAK memeterai perjanjian pengelakan pencukaaian dua kali (PPPDK) dengan Malaysia.</p> <p>Rujuk Jadual 7 ACP 1967 dan Helaian Kerja HK-9 untuk membuat pengiraan kredit.</p> |
| B18 | Cukai kena dibayar | <p>B16 tolak B17.</p> <p>Jika jumlah B17 melebihi B16, isikan "0" di ruang ini.</p> |
| B19 | Cukai kena dibayar balik | B17 tolak B16. |
| B20 | Bayaran yang telah dibuat untuk pendapatan tahun 2020 – SENDIRI dan SUAMI / ISTERI bagi taksiran bersama | <p>Potongan Cukai Bulanan (PCB)</p> <p>Masukkan jumlah potongan yang telah dibuat oleh majikan dalam tahun 2020 ke atas pendapatan berikut ke dalam ruang ini:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pendapatan tahun 2020; - Pendapatan penggajian bagi tahun-tahun ke belakang (termasuk bonus, fi pengarah, tunggakan dan lain-lain) yang dibayar dalam tahun 2020; dan - Pendapatan penggajian tahun lain yang dibayar secara pendahuluan dalam tahun 2020. <p>Contoh: Gaji bulan Januari 2021 dibayar pada bulan Disember 2020 dan PCB dibayar pada atau sebelum 15 Januari 2021.</p> <p>Ansuran sendiri / CP500</p> <p>Masukkan jumlah bayaran ansuran sendiri / CP500 (notis bayaran ansuran cukai di bawah seksyen 107B) yang telah dibuat ke dalam ruang ini.</p> <p>Bayaran tunggakan cukai bagi tahun taksiran ke belakang tidak diambilkira bagi mengisi ruangan ini.</p> <p>Guna Helaian Kerja HK-10 untuk membuat pengiraan. Pindahkan amaun E dari Helaian Kerja HK-10 ke ruang ini.</p> <p>Bagi Taksiran Bersama - Jumlahkan bayaran PCB atau ansuran sendiri / CP500 yang telah dibayar oleh suami / isteri dan masukkan ke dalam ruang ini.</p> |
| B21 | Baki cukai kena dibayar | <p>B18 tolak B20.</p> <p>Jelaskan baki ini dalam tempoh yang ditetapkan. Pembayaran boleh dibuat melalui:</p> <p>(a) ByrHaSiL di Portal ByrHASiL LHDNM, https://byrhasil.hasil.gov.my.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bayaran melalui FPX (<i>Financial Process Exchange</i>) di https://byrhasil.hasil.gov.my/fpx.php. • Bayaran melalui kad kredit Visa, Mastercard & American Express di https://byrhasil.hasil.gov.my/creditcard/. <p>(b) Bank yang dilantik.</p> <ul style="list-style-type: none"> • kaunter CIMB Bank Berhad (CIMB), Public Bank Berhad (PBB), Malayan Banking Berhad (Maybank), Affin Bank Berhad (ABB), RHB Bank Berhad (RHB), Bank Simpanan Nasional (BSN) dan Bank Rakyat dengan menggunakan slip bayaran yang disediakan oleh bank. • perbankan internet CIMB, PBB, Maybank, Hong Leong Bank, RHB, BSN dan Citibank Berhad. • <i>Auto Teller Machine</i> (ATM) PBB, Maybank & CIMB, Mesin Deposit Cek PBB dan Mesin Deposit Tunai CIMB <p>(c) Pos Malaysia Berhad - Kaunter sahaja.</p> <p>Gunakan kod bayaran '084' dan no. ansuran '99' apabila membuat bayaran</p> |

| | | cukai atau baki cukai kena dibayar. |
|--|--|--|
| | Cukai terlebih bayar | B20 tolak B18. Tandakan 'X' dalam kotak yang disediakan jika cukai terlebih bayar. |
| AKUAN | | |
| <p>Borang nyata yang tidak ditandatangani akan dianggap tidak lengkap dan tidak akan diproses, dan Surat Pemberitahuan Borang Nyata Tidak Lengkap akan dikeluarkan kepada tuan sebagai makluman. Penggunaan cap tandatangan tidak dibenarkan. Penalti akan dikenakan jika berlaku kelewatan dalam mengemukakan semula borang nyata kepada LHDNM.</p> | | |
| BAHAGIAN C | | MAKLUMAT SUAMI / ISTERI |
| C1 – C4 | Isikan maklumat yang berkenaan sahaja. Sekiranya tuan mempunyai lebih daripada seorang isteri, sila berikan maklumat isteri-isteri tuan yang lain di lampiran tambahan mengikut format C1 hingga C4 dan kemukakan bersama Borang BE. | |
| BAHAGIAN D | | MAKLUMAT LAIN |
| D1 | No. telefon | Nombor telefon pejabat / firma ejen cukai / rumah. Sila pastikan maklumat ini adalah betul dan tepat. Maklumat ini akan digunakan untuk tujuan rasmi LHDNM. |
| | No. telefon bimbit | Pastikan maklumat ini adalah betul. Maklumat ini hanya untuk kegunaan rasmi LHDNM sahaja. Nota: Salah satu ruangan sama ada no. telefon bimbit (D1) atau e-mel (D2) wajib diisi semasa pengemukaan secara e-Filing. |
| D2 | E-mel | Pastikan maklumat ini adalah betul. Maklumat ini hanya untuk kegunaan rasmi LHDNM sahaja. Nota: Salah satu ruangan sama ada e-mel (D2) atau no. telefon bimbit (D1) wajib diisi semasa pengemukaan secara e-Filing. |
| D3 | No. majikan | Isikan nombor rujukan E majikan yang terkini. |
| D4 | Mempunyai akaun kewangan di institusi kewangan di luar negara | <p>Isikan '1' jika mempunyai "akaun kewangan" di institusi kewangan di luar Malaysia atau '2' jika tidak ada / tidak berkenaan. Rujuk maklumat di bawah sebelum membuat pilihan:</p> <p>Pengisytiharan ini bertujuan untuk memastikan pematuhan terhadap undang-undang percukaian Malaysia, selaras dengan komitmen Malaysia terhadap Pertukaran Automatik Maklumat Akaun Kewangan dengan Negara-negara Pejanji. Di bawah komitmen tersebut, Malaysia akan menerima maklumat berkenaan akaun kewangan yang disimpan di luar negara oleh pemastautin cukai Malaysia. Walau bagaimanapun, status mempunyai akaun kewangan di luar negara bukanlah petunjuk bahawa berlakunya ketidakpatuhan cukai.</p> <p>"Akaun Kewangan" merujuk kepada akaun kewangan yang disenggara oleh institusi kewangan di luar Malaysia yang merangkumi:</p> <p>a) Akaun Depositori</p> <ul style="list-style-type: none"> • Akaun simpanan, akaun semasa dan akaun deposit lain. <p>b) Akaun Jagaan (Custodial)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Akaun (selain daripada Kontrak Insurans atau Kontrak Anuiti) untuk manfaat orang lain yang memegang sebarang instrumen kewangan atau |

| | | |
|---|---|--|
| | | <p>kontrak untuk pelaburan.</p> <p>c) Kontrak Insurans Nilai Tunai</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kontrak Insurans Nilai Tunai ialah satu kontrak insurans yang mana pemegang polisi berhak menerima pembayaran semasa penyerahan atau penamatan kontrak. Kontrak insurans juga akan menjadi Kontrak Insurans Nilai Tunai apabila pemegang polisi boleh meminjam di bawah kontrak tersebut. Ia adalah produk pelaburan yang mempunyai unsur insurans hayat di dalamnya. Elemen insurans hayat biasanya kecil berbanding dengan elemen pelaburan. <p>d) Kontrak Anuiti</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kontrak di mana pihak yang menawarkannya bersetuju untuk membuat pembayaran untuk jangka masa yang ditentukan secara keseluruhan atau sebahagian dengan merujuk kepada jangka hayat satu atau lebih individu; atau • Kontrak yang mana dianggap sebagai kontrak anuiti di bawah undang-undang, peraturan atau praktis di Malaysia di mana kontrak itu dibuat dan pihak yang menawarkan bersetuju untuk membuat pembayaran dalam satu jangkamasa tertentu. <p>e) Kepentingan Ekuiti dan Hutang dalam Entiti Pelaburan</p> <p>Maklumat lebih lanjut berhubung Pertukaran Maklumat Akaun Kewangan Automatik dengan Negara Pejanji boleh didapati di Portal Rasmi LHDNM, http://www.hasil.gov.my> Antarabangsa> Pertukaran Maklumat Automatik (AEOI)> Standard Pelaporan Bersama (CRS).</p> |
| D5 | Maklumat akaun bank | Isikan maklumat nama bank (D5a) dan nombor akaun bank (D5b) bagi tujuan bayaran balik cukai pendapatan. Pastikan akaun bank yang diberikan adalah aktif dan didaftarkan atas nama sendiri bagi mengelakkan masalah/isu pembayaran. |
| D6a | Melupuskan aset di bawah Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 | Merujuk kepada aset yang boleh dikenakan cukai di bawah Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976. Isikan '1' untuk 'Ya' sekiranya ada melupuskan aset, dan isi juga ruang D6b. Isi '2' untuk 'Tidak' jika tidak berkenaan. |
| D6b | Melaporkan pelupusan tersebut kepada LHDNM | Isikan '1' ('Ya') jika telah melaporkan pelupusan berkenaan kepada LHDNM atau '2' ('Tidak') jika belum. Sekiranya belum dilaporkan, sila hubungi cawangan LHDNM yang mengendalikan fail cukai pendapatan pelupus. Untuk maklumat lanjut, sila layari Portal Rasmi LHDNM, http://www.hasil.gov.my . |
| BAHAGIAN E: | | DERMA / HADIAH / SUMBANGAN |
| <p>Nota : Sumbangan bagi menangani pandemik COVID-19</p> <p>Potongan cukai akan diberikan kepada penderma yang mendermakan wang tunai ataupun barangan yang akan digunakan untuk menangani penularan pandemik COVID-19 serta membantu rakyat yang terkesan dengan wabak tersebut. Untuk klasifikasi tuntutan sumbangan ini, sila rujuk Portal Rasmi LHDNM, http://www.hasil.gov.my > Pautan Pantas > FAQ - Perintah Kawalan Pergerakan & Pakej Rangsangan Ekonomi > Soalan Lazim Berkenaan Sumbangan / Derma.</p> | | |
| <p>Hadiah wang kepada Kerajaan / Kerajaan Negeri / pihak berkuasa tempatan Subseksyen 44(6) ACP 1967.</p> | | |

Hadiah wang kepada institusi / organisasi / tabung yang diluluskan

Hadiah wang kepada institusi / organisasi / tabung yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri.

Subseksyen 44(6) dan proviso, ACP 1967.

Hadiah wang bagi aktiviti sukan yang diluluskan oleh Menteri Kewangan

Subseksyen 44(11B) dan proviso, ACP 1967.

Hadiah wang atau kos sumbangan barangan kepada projek berkepentingan negara yang diluluskan oleh Menteri Kewangan

Subseksyen 44(11C) dan proviso, ACP 1967.

Hadiah wang dalam bentuk wakaf kepada pihak berkuasa agama / badan agama / universiti awam atau hadiah wang dalam bentuk endowmen kepada universiti awam

Hadiah wang dalam bentuk:-

- a) wakaf kepada mana-mana pihak berkuasa agama bersesuaian yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis, badan yang ditubuhkan oleh pihak berkuasa agama yang sesuai itu atau universiti awam yang dibenarkan oleh pihak berkuasa agama yang sesuai itu untuk menerima wakaf; atau
- b) endowmen kepada universiti awam.

Wakaf atau endowmen hendaklah disumbang bagi tujuan mencapai objektif penubuhan pihak berkuasa agama yang sesuai, badan atau universiti awam.

Subseksyen 44(11D), ACP 1967.

Terhad kepada 10% daripada B4

Hadiah artifak / manuskrip / lukisan kepada Kerajaan atau Kerajaan Negeri

Hadiah artifak, manuskrip atau lukisan kepada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri berdasarkan pada nilai yang ditentukan oleh Jabatan Muzium Malaysia atau Jabatan Arkib Negara.

Subseksyen 44(6A) ACP 1967.

Hadiah wang untuk kemudahan perpustakaan atau kepada perpustakaan

Hadiah wang yang tidak melebihi RM20,000 bagi menyediakan kemudahan perpustakaan awam serta perpustakaan sekolah dan institusi pendidikan tinggi.

Subseksyen 44(8) ACP 1967.

Hadiah wang atau sumbangan barangan bagi menyediakan kemudahan di tempat awam untuk manfaat orang yang kurang upaya

Hadiah wang atau sumbangan dalam bentuk barangan bagi memperuntukkan kemudahan di tempat awam untuk manfaat orang yang kurang upaya berdasarkan pada nilai yang ditentukan oleh pihak berkuasa tempatan.

Subseksyen 44(9) ACP 1967.

Hadiah wang / kos / nilai hadiah peralatan perubatan kepada kemudahan jagaan kesihatan yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan

Hadiah wang atau sumbangan peralatan perubatan (kos atau nilainya disahkan oleh Kementerian Kesihatan) tidak melebihi RM20,000 kepada pusat kesihatan yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan.

Subseksyen 44(10) ACP 1967.

Hadiah lukisan kepada Balai Seni Lukis Negara atau balai seni lukis negeri

Hadiah lukisan adalah berdasarkan pada nilai yang ditentukan oleh Balai Seni Lukis Negara atau mana-mana balai seni lukis negeri.

Subseksyen 44(11) ACP 1967.

| BAHAGIAN F | | PELEPASAN |
|--|---|--|
| <p>Resit dan dokumen sokongan hendaklah disimpan selama tempoh tujuh (7) tahun bermula daripada akhir tahun dalam mana borang nyata tersebut telah dikemukakan kepada LHDNM, untuk tujuan rujukan dan semakan sekiranya diperlukan kelak.</p> <p>Rujukan:</p> <p>Pencukaian Individu Bermastautin</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bahagian I - Hadiah Atau Sumbangan Dan Potongan Yang Dibenarkan (Ketetapan Umum No. 8/2020) • Bahagian II - Pengiraan Jumlah Pendapatan Dan Pendapatan Yang Boleh Dikenakan Cukai (Ketetapan Umum No. 5/2018); dan • Bahagian III - Pengiraan Cukai Pendapatan Dan Cukai Kena Bayar (Ketetapan Umum No. 6/2018) | | |
| F1 | Individu dan saudara tanggungan | <p>Pelepasan diri berjumlah RM9,000 untuk diri sendiri dan saudara tanggungan diberi secara automatik.</p> <p>Perenggan 46(1)(a) ACP 1967.</p> |
| F2a | Perbelanjaan rawatan perubatan, keperluan khas dan penjaga untuk ibu bapa | <p>Perbelanjaan rawatan perubatan, keperluan khas dan penjaga untuk ibu bapa dibenarkan sebagai potongan sehingga RM5,000.</p> <p>Ibu bapa merujuk kepada ibu bapa kandung atau ibu bapa angkat jika individu itu adalah seorang anak angkat.</p> <p>Perbelanjaan rawatan perubatan ibu bapa yang layak termasuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) rawatan perubatan dan perkhidmatan penjagaan yang diperuntukkan oleh rumah penjagaan; dan (ii) rawatan pergigian yang dihadkan kepada mencabut gigi, menampal gigi dan membersihkan karang gigi tetapi tidak termasuk rawatan kosmetik seperti menggantikan dan membaik pulih gigi yang melibatkan penyatuan, <i>root canal</i> dan gigi palsu. <ul style="list-style-type: none"> • Tuntutan mestilah disokong oleh pengamal perubatan yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia (MPM) yang mengesahkan bahawa keadaan kesihatan ibu bapa memerlukan rawatan perubatan, keperluan khas atau perkhidmatan penjagaan. • Ibu bapa mestilah bermastautin di Malaysia. • Rawatan perubatan dan perkhidmatan penjagaan hendaklah disediakan-di Malaysia. <p>Bagi kes penjaga, mestilah dibuktikan dengan resit atau perakuan bertulis oleh penjaga atau salinan permit kerja penjaga.</p> <p>'Penjaga' tidak termasuk individu, suami / isteri atau anak individu berkenaan.</p> <p>Perenggan 46(1)(c) ACP 1967</p> |
| F2b | Ibu dan bapa | <p>Potongan ini berkuat kuasa bagi Tahun Taksiran 2016 hingga 2020.</p> <p>Syarat-syarat tuntutan:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Individu yang LAYAK menuntut potongan ini adalah anak kandung atau anak angkat yang sah di bawah undang-undang. Tuntutan potongan ini TIDAK dibenarkan ke atas ibu bapa tiri. (ii) Individu TIDAK menuntut potongan di ruang F2a bagi perbelanjaan rawatan perubatan, keperluan khas dan penjaga untuk ibu bapa bagi tahun asas yang sama. (iii) Potongan yang dibenarkan adalah RM1,500 bagi hanya seorang ibu dan RM1,500 bagi hanya seorang bapa. Jika lebih daripada seorang individu menuntut potongan ini, amaun potongan tersebut perlu dibahagi sama rata mengikut bilangan individu yang menuntut berhubung ibu atau bapa yang sama. (iv) Ibu bapa adalah bermastautin mengikut peruntukan seksyen 7 ACP 1967 dan berumur 60 tahun dan ke atas pada bila-bila masa dalam tahun asas. (v) Pendapatan tahunan (daripada semua punca sama ada dikenakan cukai atau tidak) setiap ibu atau bapa TIDAK melebihi RM24,000 seorang bagi |

| | | |
|----|--|---|
| | | <p>tahun taksiran berkenaan.</p> <p>Jika lebih daripada seorang individu menuntut potongan ini, Helaiian Kerja HK-15 perlu dilengkapkan dan disimpan untuk rujukan / semakan oleh LHDNM, apabila diperlukan kelak.</p> <p>Perenggan 46(1)(o) ACP 1967.</p> |
| F3 | Peralatan sokongan asas untuk kegunaan sendiri, suami / isteri, anak atau ibu bapa yang kurang upaya | <p>Perbelanjaan membeli peralatan sokongan asas dibenarkan potongan sehingga RM6,000 untuk kegunaan:</p> <p>(i) diri sendiri, jika dia kurang upaya; atau</p> <p>(ii) pasangannya, jika pasangan kurang upaya; atau</p> <p>(iii) anak, jika anak kurang upaya; atau</p> <p>(iv) ibu bapa, jika ibu bapa kurang upaya.</p> <p>Potongan ini TIDAK dibenarkan jika peralatan sokongan asas dibeli untuk individu kurang upaya yang tidak berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebagai orang kurang upaya.</p> <p>Alat sokongan asas termasuk mesin hemodialisis, kerusi roda, kaki palsu dan alat pendengaran tetapi TIDAK termasuk cermin mata dan kanta lekap.</p> <p>Perenggan 46(1)(d) ACP 1967.</p> |
| F4 | Individu yang kurang upaya | <p>Potongan tambahan sebanyak RM6,000 dibenarkan sekiranya individu itu kurang upaya.</p> <p>Individu layak menuntut potongan ini sekiranya beliau telah disahkan secara bertulis oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebagai seorang yang kurang upaya.</p> <p>Perenggan 46(1)(e) ACP 1967.</p> |
| F5 | Yuran pengajian (sendiri) | <p>Potongan sehingga RM7,000 boleh dituntut ke atas yuran yang dibelanjakan bagi mengikuti kursus pengajian berikut di mana-mana institusi tempatan atau badan profesional di Malaysia yang yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia atau diluluskan oleh Menteri Kewangan:-</p> <p>(i) Selain ijazah di peringkat Sarjana atau Doktor Falsafah Sebarang kursus pengajian sehingga peringkat tertiar bagi tujuan memperoleh kemahiran atau kelayakan dalam bidang undang-undang, perakaunan, kewangan Islam yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia atau Suruhanjaya Sekuriti, teknikal, vokasional, industri, saintifik atau teknologi.</p> <p>(ii) Ijazah di peringkat Sarjana atau Doktor Falsafah Sebarang kursus pengajian bagi tujuan memperoleh kemahiran atau kelayakan.</p> <p>Sila rujuk senarai institusi tempatan atau badan profesional di Malaysia yang diiktiraf di laman rasmi Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia di www.mohe.gov.my.</p> <p>Perenggan 46(1)(f) ACP 1967.</p> |

| | | |
|-----|--|--|
| F6a | Perbelanjaan perubatan bagi penyakit serius ke atas diri sendiri, suami / isteri atau anak | <p>Perbelanjaan perubatan bagi penyakit serius termasuk rawatan dibuat ke atas penyakit seperti sindrom Kurang Daya Ketahanan (AIDS), sindrom Parkinson, barah, penyakit buah pinggang, leukemia dan lain-lain penyakit yang serupa. 'Lain-lain penyakit yang serupa' termasuk serangan jantung, <i>pulmonari hypertension</i>, penyakit hati kronik, <i>fulminant viral hepatitis</i>, trauma kepala dengan defisit neurologikal, ketumbuhan otak dan kecacatan kepada pembuluh darah, melepuh dan melecur yang keterlaluan, pemindahan organ utama dan pemotongan kaki dan / atau tangan.</p> <p>Potongan sehingga RM6,000 dibenarkan ke atas amaun yang dibelanjakan untuk rawatan ke atas diri sendiri, pasangan atau anak. Jumlah potongan untuk F6a, F6b dan F7 adalah terhad kepada RM6,000.</p> <p>Resit perbelanjaan rawatan dan perakuan yang dikeluarkan oleh pengamal perubatan yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia (MPM) hendaklah disimpan untuk rujukan / semakan oleh LHDNM, apabila diperlukan kelak.</p> <p>Perenggan 46(1)(g) ACP 1967.</p> |
| F6b | Perbelanjaan perubatan bagi rawatan kesuburan ke atas diri sendiri atau suami / isteri | <p>Perbelanjaan untuk rawatan kesuburan merangkumi rawatan <i>Intrauterine Insemination (IUI)</i>, <i>In vitro fertilization (IVF)</i> dan lain-lain jenis rawatan kesuburan yang diperakui termasuk kos konsultasi dan ubat-ubatan ke atas diri sendiri atau pasangan. Syarat tuntutan adalah:</p> <ol style="list-style-type: none"> tuntutan mestilah dibuktikan melalui resit dan pengesahan daripada pengamal perubatan berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia (MPM) bahawa individu atau pasangannya telah diberikan rawatan kesuburan tersebut; dan individu telah berkahwin. <p>Potongan sehingga RM6,000 dibenarkan ke atas amaun yang dibelanjakan atau disifatkan dibelanjakan untuk menjalani rawatan kesuburan bagi mendapatkan zuriat bagi diri sendiri atau pasangan. Jumlah potongan untuk F6a, F6b dan F7 adalah terhad kepada RM6,000.</p> <p>Resit perbelanjaan rawatan dan perakuan yang dikeluarkan oleh pengamal perubatan yang berdaftar dengan MPM hendaklah disimpan untuk rujukan / semakan oleh LHDNM, apabila diperlukan kelak.</p> <p>Jika suami atau isteri memilih Taksiran Bersama, potongan yang dibenarkan bagi perbelanjaan yang dilakukan oleh pasangan akan disifatkan dibelanjakan oleh suami / isteri yang mana taksiran dibangkitkan atas namanya terhad kepada RM6,000.</p> <p>Perenggan 46(1)(g) ACP 1967.</p> |
| F7 | Pemeriksaan perubatan penuh ke atas diri sendiri, suami / isteri atau anak | <p>Pemeriksaan perubatan penuh bermaksud pemeriksaan secara menyeluruh seperti mana yang ditakrifkan oleh Majlis Perubatan Malaysia (MPM).</p> <p>Potongan yang dibenarkan bagi pelepasan ini adalah terhad kepada RM500 untuk diri sendiri, pasangan atau anak. Jumlah potongan untuk F6a, F6b dan F7 adalah terhad kepada RM6,000.</p> <p>Perenggan 46(1)(h) ACP 1967.</p> |

| | | | |
|----------|--|--|------------------------------|
| F8a | GAYA HIDUP | | <p>Terhad kepada RM2,500</p> |
| F8a (i) | Pembelian buku / jurnal / majalah / surat khabar bercetak / lain-lain penerbitan seumpamanya | <p>Perbelanjaan bagi pembelian buku, jurnal, majalah, surat khabar bercetak dan lain-lain penerbitan seumpamanya (dalam bentuk <i>hardcopy</i> atau elektronik tetapi TIDAK termasuk bahan bacaan yang terlarang seperti majalah lucah) untuk kegunaan diri sendiri, pasangan atau anak dibenarkan sebagai potongan.</p> <p>Subperenggan 46(1)(p)(i) ACP 1967.</p> | |
| F8a(ii) | Pembelian komputer peribadi, telefon pintar atau tablet | <p>Perbelanjaan bagi pembelian komputer peribadi, telefon pintar (<i>smartphone</i>) atau tablet [TIDAK termasuk caj tambahan jaminan (warranty)] untuk kegunaan diri sendiri, pasangan atau anak, dan BUKAN digunakan untuk tujuan perniagaan.</p> <p>Subperenggan 46(1)(p)(ii) ACP 1967.</p> | |
| F8a(iii) | Pembelian peralatan sukan untuk aktiviti sukan mengikut Akta Pembangunan Sukan 1997 dan bayaran keahlian gimnasium | <p>Perbelanjaan untuk kegunaan diri sendiri, pasangan atau anak bagi:</p> <p>(a) pembelian peralatan sukan untuk aktiviti sukan mengikut jenis sukan yang disenaraikan dalam Akta Pembangunan Sukan 1997. Peralatan sukan termasuk alat-alat yang mempunyai jangka hayat yang singkat seperti bola golf dan bulu tangkis tetapi TIDAK TERPAKAI kepada jenis basikal bermotor; serta</p> <p>(b) bayaran keahlian gimnasium (TIDAK TERMASUK keahlian kelab yang menyediakan kemudahan gimnasium).</p> <p>Subperenggan 46(1)(p)(iii) ACP 1967.</p> | |
| F8a(iv) | Bayaran bil bulanan bagi langganan untuk internet | <p>Bayaran bil bulanan bagi langganan internet yang didaftarkan atas nama individu untuk kegunaan sendiri, pasangan dan anak.</p> <p>Subperenggan 46(1)(p)(iv) ACP 1967.</p> | |
| F8b | Gaya hidup – Pembelian komputer peribadi, telefon pintar atau tablet untuk kegunaan / manfaat diri sendiri, suami / isteri atau anak dan bukan untuk kegunaan perniagaan | <p>Perbelanjaan tambahan bagi pembelian komputer peribadi, telefon pintar (<i>smartphone</i>) atau tablet [TIDAK termasuk caj tambahan jaminan (warranty)] untuk kegunaan diri sendiri, pasangan atau anak, dan BUKAN digunakan untuk tujuan perniagaan.</p> <p>Potongan yang dibenarkan bagi pelepasan tambahan ini adalah amaun yang dibelanjakan atau disifatkan dibelanjakan terhad kepada RM2,500 untuk pembelian yang dilakukan dalam tempoh 1 Jun 2020 hingga 31 Disember 2020 sahaja.</p> <p>Contoh: Encik Lim telah membeli telefon pintar dengan harga RM2,000 pada 1/3/2020. Beliau juga telah membeli sebuah komputer riba untuk kegunaan anaknya dengan harga RM4,000 pada 15/7/2020.</p> <p>Layanan Cukai : Pembelian komputer riba pada 15/7/2020 dibenarkan tuntutan di bawah F8b terhad RM2,500. Manakala sebanyak RM500 lagi dari pembelian komputer riba tersebut dan perbelanjaan membeli telefon pintar sebanyak RM2,000 (1/3/2020) boleh dituntut di bawah F8a terhad RM2,500.</p> <p>Perenggan 46(1)(p) dan Perenggan 46(1)(t) ACP 1967.</p> | |
| F9 | Pembelian peralatan penyusuan ibu untuk diri sendiri bagi anak berumur 2 tahun dan ke bawah | <p>(a) Potongan ini dibenarkan khusus untuk pembayar cukai wanita, dengan syarat individu:</p> <p>(i) adalah ibu yang menyusukan anak;</p> <p>(ii) telah melakukan perbelanjaan atas pembelian peralatan penyusuan ibu untuk kegunaannya bagi menyusukan anaknya yang berumur 2 tahun dan ke bawah; dan</p> | |

| | | |
|-----|--|---|
| | | <p>(iii) membuat tuntutan yang disokong dengan resit atas pembelian.</p> <p>(b) Peralatan penyusuan ibu yang layak mendapat potongan adalah:</p> <p>(i) set pam susu dan pek ais (<i>breast pump kit</i> dan <i>ice pack</i>);</p> <p>(ii) bekas pengumpulan dan penyimpanan susu (<i>breast milk collection and storage equipment</i>); serta</p> <p>(iii) set penyejuk atau beg penyejuk (<i>cooler set / cooler bag</i>).</p> <p>(c) Amaun potongan adalah terhad kepada RM1,000 walaupun individu berkenaan mempunyai lebih daripada seorang anak.</p> <p>(d) Potongan hanya dibenarkan SEKALI setiap dua (2) tahun taksiran.</p> <p>(e) Dalam kes Taksiran Bersama, potongan ini hanya dibenarkan sekiranya taksiran dibangkitkan atas nama isteri.</p> <p>Contoh 1: Taksiran Bersama Atas Nama Isteri Puan Arina telah melahirkan anak pada tahun 2020 dan telah membeli peralatan penyusuan ibu berjumlah RM1,700. Suaminya yang bukan pemastautin tetapi warganegara Malaysia telah memilih taksiran bersama atas nama isterinya.</p> <p>Puan Arina layak menuntut potongan ini tetapi terhad kepada RM1,000.</p> <p>Contoh 2: Taksiran Bersama Atas Nama Suami Puan Sally telah melahirkan anak pada tahun 2020 dan telah membeli peralatan penyusuan ibu berjumlah RM1,300. Puan Sally telah memilih taksiran bersama atas nama suaminya.</p> <p>Tuntutan potongan ini TIDAK dibenarkan kerana taksiran dibuat atas nama suami Puan Sally.</p> <p>Perenggan 46(1)(q) ACP 1967 (mulai Tahun Taksiran 2017).</p> |
| F10 | Yuran penghantaran anak berumur 6 tahun dan ke bawah ke taman asuhan kanak-kanak / tadika yang berdaftar | <p>Potongan ini dibenarkan berhubung yuran penghantaran anak yang berumur 6 tahun dan ke bawah ke:</p> <ul style="list-style-type: none"> – taman asuhan kanak-kanak yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan tertakluk pada Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 (Akta 308) di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat; atau – tadika yang berdaftar dengan Jabatan Pendidikan Negeri di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia dan tertakluk pada Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). <p>Potongan ini terhad kepada RM3,000 walaupun bilangan anak yang memenuhi syarat-syarat tersebut melebihi satu. Sekiranya amaun tuntutan kurang daripada RM3,000, amaun potongan yang dibenarkan adalah terhad kepada amaun yang dibayar sahaja.</p> <p>Sekiranya taksiran suami dan isteri dibuat secara berasingan, potongan cukai di bawah perenggan ini hanya boleh dituntut sama ada oleh suami ATAU isteri yang melakukan perbelanjaan tersebut.</p> <p>Bagi pasangan yang sudah bercerai, potongan cukai ini layak dituntut oleh bekas suami dan bekas isteri dengan syarat kedua-duanya telah membuat pembayaran bagi yuran penjagaan anak dan anak tersebut bukan anak yang sama.</p> <p>Tuntutan potongan ini hendaklah disokong dengan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • dokumen kelahiran anak (MyKid atau sijil kelahiran); dan • resit pembayaran yuran bulanan yang dikeluarkan oleh taman asuhan kanak-kanak atau tadika tersebut. <p>Perenggan 46(1)(r) ACP 1967 (mulai Tahun Taksiran 2017).</p> |

Contoh 1: Pasangan suami isteri (tinggal bersama)

| Senario | Bil. anak | Perbelanjaan atas anak (RM) | | Jenis taksiran | Siapa layak menuntut & amaun (RM) | Catatan |
|---------|-----------|-----------------------------|--|----------------|--|--|
| a | 1 | Suami Isteri | 1,600 1,500 | Berasingan | Suami - 1,600 ATAU Isteri - 1,500 | Hanya seorang layak menuntut (terhad kepada amaun yang dibelanjakan) |
| b | 2 | Suami Isteri | 3,200 (anak no. 1) 3,400 (anak no. 2) | Berasingan | Suami - 3,000 ATAU Isteri - 3,000 | Hanya seorang layak menuntut (terhad kepada amaun RM3,000) |
| c | 2 | Suami | 3,500 (anak no. 1 & 2) | Berasingan | Suami - 3,000 | Terhad kepada amaun RM3,000 |
| d | 3 | Suami Isteri | 5,200 (anak no. 1 & 2) 3,100 (anak no. 3) | Berasingan | Suami - 3,000 ATAU Isteri - 3,000 | Hanya seorang layak menuntut (terhad kepada amaun RM3,000) |
| e | 2 | Suami Isteri | 1,900 (anak no. 1) 1,100 (anak no. 2) | Berasingan | Suami - 1,900 ATAU Isteri - 1,100 | Hanya seorang layak menuntut berdasarkan amaun perbelanjaan layak atau terhad kepada amaun RM3,000 |
| f | 1 | Suami Isteri | 1,200 1,200 | Bersama | Suami - 2,400 ATAU Isteri - 2,400 | Perbelanjaan yang dilakukan oleh pasangan dianggap telah dibelanjakan oleh suami / isteri yang mana taksiran dibangkitkan atas namanya (terhad kepada amaun yang dibelanjakan) |
| g | 2 | Suami Isteri | 1,600 (anak no. 1) 1,500 (anak no. 2) | Bersama | Suami - 3,000 ATAU Isteri - 3,000 | Perbelanjaan yang dilakukan oleh pasangan dianggap telah dibelanjakan oleh suami / isteri yang mana taksiran dibangkitkan atas namanya (terhad kepada amaun RM3,000) |

Contoh 2: Pasangan bercerai

| Senario | Bil. Anak | Perbelanjaan atas anak (RM) | | Siapa layak menuntut & amaun (RM) | Catatan |
|---------|-----------|-----------------------------|--|--|--|
| a | 1 | Bekas suami | 1,800 | Bekas suami - 1,800 | Hanya layak menuntut RM1,800 (terhad kepada amaun yang dibelanjakan) |
| b | 1 | Bekas suami Bekas isteri | 3,400 3,200 | Bekas suami - 3,000 ATAU Bekas isteri - 3,000 | Hanya seorang layak menuntut (terhad kepada amaun RM3,000) |
| c | 2 | Bekas suami Bekas isteri | 3,400 (anak no. 1) 3,200 (anak no. 2) | Bekas suami - 3,000 DAN Bekas isteri - 3,000 | - Bekas suami menuntut RM3,000 - Bekas isteri menuntut RM3,000 (dengan syarat tuntutan dibuat atas anak yang berlainan) |
| d | 3 | Bekas suami Bekas isteri | 3,200 (anak no. 1) 1,800 (anak no. 2) & 1,600 (anak no. 3) | Bekas suami - 3,000 DAN Bekas isteri - 3,000 | - Bekas suami menuntut RM3,000 - Bekas isteri menuntut RM3,000 (dengan syarat tuntutan dibuat atas anak yang berlainan) |

| | | |
|-----|--|--|
| F11 | Tabungan bersih dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) | <p>Pelepasan ini berkuat kuasa bagi tahun-tahun taksiran 2019 sehingga 2022.</p> <p>Simpanan ke dalam tabung SSPN oleh seseorang individu untuk membiayai pelajaran anak-anak dibenarkan sebagai potongan yang terhad kepada RM8,000. Potongan yang dituntut adalah terhad kepada amaun tabungan bersih yang dilakukan di dalam sesuatu tahun sahaja.</p> <p><i>Contoh:</i> Dalam tahun 2020, Baki Bawa Hadapan: RM4,500; Simpanan : RM2,000; dan Pengeluaran : RM1,500.</p> <p>Potongan yang layak dituntut adalah RM500 (RM2,000 – RM1,500). Baki Bawa Hadapan sebanyak RM4,500 tidak diambil kira. Perenggan 46(1)(k) ACP 1967.</p> |
| F12 | Suami / isteri / bayaran alimoni kepada bekas isteri | <p>∅ Potongan bagi suami sebanyak RM4,000 diberi kepada isteri jika suami tiada punca pendapatan / tiada jumlah pendapatan; atau suami telah memilih taksiran bersama atas nama isterinya. Potongan ini hanya layak dituntut oleh seorang isteri sahaja walaupun suami mempunyai lebih daripada seorang isteri. Subseksyen 45A(1) ACP 1967.</p> <p>Mulai Tahun Taksiran 2017, potongan bagi suami TIDAK dibenarkan jika suami (bukan suami kurang upaya) menerima pendapatan kasar yang melebihi RM4,000 daripada punca luar Malaysia. Subseksyen 45A(2) ACP 1967.</p> <p>∅ Potongan bagi isteri sebanyak RM4,000 diberi kepada individu yang mempunyai isteri yang tinggal bersamanya dalam tahun asas, dan isteri tiada punca pendapatan / jumlah pendapatan; atau isteri telah memilih taksiran bersama atas nama suaminya. Perenggan 47(1)(a) dan subseksyen 47(5) ACP 1967.</p> <p>Mulai Tahun Taksiran 2017, potongan bagi isteri TIDAK dibenarkan jika isteri (bukan isteri kurang upaya) menerima pendapatan kasar yang melebihi RM4,000 daripada punca luar Malaysia. Subseksyen 47(6) ACP 1967.</p> <p>∅ Potongan bagi bayaran alimoni / nafkah kepada bekas isteri adalah terhad kepada RM4,000 atau amaun sebenar yang dibayar jika amaun bayaran alimoni / nafkah kurang daripada potongan yang dibenarkan. Jumlah potongan bagi isteri yang tinggal bersama dan potongan bagi bayaran alimoni / nafkah kepada bekas isteri adalah terhad kepada RM4,000. Bayaran alimoni / nafkah secara sukarela kepada bekas isteri di bawah perjanjian bersama tanpa sebarang perjanjian rasmi tidak layak dituntut sebagai potongan. Subseksyen 47(2) dan 47(3) ACP 1967.</p> |
| F13 | Suami / isteri yang kurang upaya | <p>Potongan tambahan sebanyak RM3,500 diberi bagi suami / isteri yang kurang upaya. Perenggan 47(1)(b) dan seksyen 45A ACP 1967.</p> |
| F14 | Anak <ul style="list-style-type: none"> • Bilangan • Kelayakan 100% • Kelayakan 50% | <p>Rujuk Helaiian Kerja HK-13.</p> <p><u>Bilangan</u> Isikan jumlah bilangan anak yang layak dituntut pelepasan sepenuhnya (Kelayakan 100%) atau sebahagiannya (Kelayakan 50%) oleh individu.</p> <p><u>Kelayakan 100%</u> Ruang ini untuk diisi oleh individu yang layak menuntut pelepasan anak sepenuhnya.</p> |

Kelayakan 50%
 Ruang ini hanya berkenaan jika dua atau lebih individu (bukan suami isteri yang tinggal bersama) layak menuntut potongan berhubung bayaran yang dibuat ke atas anak yang sama, dan setiap individu tersebut layak menuntut 50% daripada pelepasan yang dibenarkan sebagai potongan. Contohnya, apabila berlaku perceraian dan terdapat dua atau lebih individu yang layak menuntut potongan ke atas anak yang sama.

Bagi Taksiran Berasingan, individu dan suami / isteri perlu memilih pelepasan ke atas setiap anak yang ingin dituntut masing-masing.

Contoh:
 Ali mempunyai lima (5) orang anak dan memilih taksiran berasingan. Bilangan anak yang boleh dituntut oleh Ali dan isteri sebagai pelepasan ialah:

| | Ali | Isteri | | Ali | Isteri |
|-------|-----|--------|------|-----|--------|
| (i) | 5 | 0 | (iv) | 2 | 3 |
| (ii) | 4 | 1 | (v) | 1 | 4 |
| (iii) | 3 | 2 | (vi) | 0 | 5 |

Potongan untuk anak adalah tidak dibenarkan sekiranya anak berkenaan menerima jumlah pendapatan yang melebihi potongan yang dibenarkan untuk anak tersebut.

Walau bagaimanapun, penerimaan berikut tidak boleh dianggap sebagai pendapatan anak:

- Amaun yang diterima sebagai biasiswa, geran atau elaun yang serupa dengannya – perenggan 24 Jadual 6 ACP 1967; dan
- Pembayaran yang diterima oleh anak yang berkhidmat dengan majikan di bawah suatu ikatan artikel atau indentur.

Subseksyen 48(5) ACP 1967.

F14a Anak - Di bawah umur 18 tahun
 Potongan bagi anak yang belum berkahwin dan berumur di bawah 18 tahun pada bila-bila masa dalam tahun semasa adalah sebanyak **RM2,000** seorang.
 Perenggan 48(1)(a) dan 48(2)(a) ACP 1967.

F14b Anak - 18 tahun dan ke atas yang masih belajar
 ∅ Pelepasan sebanyak **RM2,000** seorang dibenarkan jika anak belum berkahwin, berumur 18 tahun dan ke atas pada bila-bila masa dalam tahun semasa, serta menerima pendidikan sepenuh masa.
 Perenggan 48(1)(b) & (c) dan 48(2)(a) ACP 1967.

ATAU

∅ Pelepasan sebanyak **RM8,000** dibenarkan jika anak belum berkahwin, berumur 18 tahun dan ke atas pada bila-bila masa dalam tahun semasa, serta mematuhi syarat-syarat berikut:

- (i) mengikuti pengajian tinggi sepenuh masa (tidak termasuk kursus matrikulasi / pra ijazah / A-Level) di universiti, kolej atau institut pelajaran lain yang serupa dengannya di Malaysia; atau
- (ii) berkhidmat di bawah satu ikatan artikel atau indentur untuk memperoleh kelayakan perdagangan atau profesion di Malaysia; atau
- (iii) mengikuti kursus sepenuh masa **di luar Malaysia** di peringkat ijazah (termasuk ijazah di peringkat sarjana atau kedoktoran) atau yang setaraf dengannya.

Perenggan 48(3)(a) ACP 1967.

F14c Anak - Kurang upaya
 Pelepasan anak kurang upaya yang belum berkahwin dibenarkan sebanyak **RM6,000**.
 Pelepasan tambahan sebanyak **RM8,000** bagi anak yang kurang upaya yang belum berkahwin, berumur 18 tahun dan ke atas serta mematuhi syarat-syarat berikut:

- (i) mengikuti pengajian tinggi sepenuh masa (tidak termasuk kursus matrikulasi / pra ijazah / A-Level) di universiti, kolej atau institut pelajaran lain yang serupa dengannya di Malaysia; atau
 - (ii) berkhidmat di bawah satu ikatan artikel atau indentur untuk memperoleh kelayakan perdagangan atau profesion di Malaysia; atau
 - (iii) mengikuti kursus sepenuh masa **di luar Malaysia** di peringkat ijazah (termasuk ijazah di peringkat sarjana atau kedoktoran) atau yang setaraf dengannya.
- Individu layak mendapat pelepasan anak **RM14,000** sekiranya syarat-syarat di atas dipatuhi.
- Perenggan 48(1)(d), 48(3)(a) dan 48(2)(b) ACP 1967.

F15 Insurans nyawa dan KWSP

Helaian Kerja HK-14 boleh digunakan untuk tujuan pengiraan dan rekod.

- (a) Bayaran premium insurans nyawa atau caruman takaful atas polisi insurans nyawa yang menjamin nyawa individu, suami atau isteri / isteri-isteri dibenarkan potongan.
 - * Bayaran premium insurans nyawa atas polisi yang menjamin nyawa anak TIDAK dibenarkan potongan.
- (b) Caruman kepada skim yang diluluskan (SELAIN daripada skim persaraan swasta) atau caruman di bawah mana-mana undang-undang bertulis. Contoh skim yang diluluskan ialah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).
- (c) Potongan yang dibenarkan mulai Tahun Taksiran 2020:

| Bil. | Jenis Caruman | Penjawat Awam Berpencen ** | Selain Penjawat Awam Berpencen |
|---------|--|----------------------------|--------------------------------|
| i. | Bayaran premium insurans nyawa atau caruman takaful | Terhad RM7,000 | Terhad RM3,000 |
| ii. | Caruman kepada skim yang diluluskan (TIDAK termasuk skim persaraan swasta) atau caruman di bawah mana-mana undang-undang bertulis. | | Terhad RM4,000 |
| JUMLAH: | | | Terhad RM7,000 |

**** Kategori penjawat awam berpencen**

Syarat-syarat tuntutan:

- ~ Penjawat awam mestilah seorang pegawai berpencen yang memilih skim persaraan berpencen dan telah disahkan jawatan menurut seksyen-seksyen 2, 6A dan 7 Akta Pencen 1980 (Akta 227);
- ~ Tidak membuat caruman kepada skim yang diluluskan (selain daripada skim persaraan swasta) atau caruman di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

Contoh 1:

Puan Sally telah bersara dari sektor kerajaan mulai 1 April 2020. Mulai 1 Ogos 2020, beliau bekerja secara kontrak dengan syarikat swasta.

Caruman KWSP (Ogos – Disember 2020): RM2,500

Bayaran premium insurans nyawa (2020) : RM8,000

| | Amaun Bayaran (RM) | Potongan Dibenarkan (RM) |
|------------------------|--------------------|--------------------------|
| Premium insurans nyawa | 8,000 | 3,000 (terhad) |
| Caruman KWSP | 2,500 | 2,500 |
| JUMLAH: | 10,500 | 5,500 |

Contoh 2:

Encik Manaf telah berhenti kerja dengan sebuah syarikat pada 30 Jun 2020. Dari 1 September 2020, beliau mula bekerja di sektor kerajaan.

Caruman KWSP (Januari – Jun 2020) : RM3,600

Bayaran premium insurans nyawa (2020) : RM7,200

| | Amaun Bayaran (RM) | Potongan Dibenarkan (RM) |
|------------------------|--------------------|--------------------------|
| Premium insurans nyawa | 7,200 | 3,000 *** (terhad) |
| Caruman KWSP | 3,600 | 3,600 |
| JUMLAH: | 10,800 | 6,600 |

*** Encik Manaf adalah seorang penjawat awam mulai 1 September 2020 tetapi belum mencapai taraf berpencen kerana belum disahkan dalam jawatan mengikut seksyen 7 Akta Pencen 1980 (Akta 27).

Taksiran Berasingan

Individu dan pasangan bermastautin yang memilih taksiran berasingan, masing-masing layak menuntut potongan seperti jadual di perenggan (c) di atas.

Contoh 3:

Encik Eddy dan isterinya, Milly yang bekerja dengan badan berkanun sejak tahun 2010, ditaksirkan secara berasingan bagi tahun taksiran 2020.

Potongan dibenarkan bagi tahun taksiran 2020 adalah seperti berikut:

| | Caruman KWSP (RM) | Bayaran premium insurans nyawa (RM) | Potongan Dibenarkan (RM) |
|-------|-------------------------|-------------------------------------|--------------------------|
| Eddy | 8,000 (terhad 4,000) | 3,800 (terhad 3,000) | 7,000 |
| Milly | 3,500 | 2,400 | 5,900 |

Taksiran Bersama

Premium insurans nyawa dan caruman KWSP yang dibayar oleh suami / isteri yang memilih taksiran bersama akan disifatkan telah dibuat oleh pasangannya.

Contoh 4:

Encik Samy adalah kakitangan awam berpencen yang memilih skim persaraan berpencen * manakala isterinya, Prema bekerja di sektor swasta.

Puan Prema telah memilih taksiran bersama atas nama suaminya bagi tahun taksiran 2020.

| | Caruman KWSP (RM) | Bayaran premium insurans nyawa (RM) | Potongan Dibenarkan (RM) |
|---------------|-------------------------|-------------------------------------|--------------------------|
| Samy | 3,600 (Rujuk Nota *) | 5,600 | 5,600 |
| Prema | 2,400 | 1,800 | 4,200 |
| JUMLAH | | | 9,800 |

Amaun yang dibenarkan potongan adalah terhad kepada RM7,000.

* Nota:

Caruman KWSP yang dibuat oleh Encik Samy TIDAK DIBENARKAN potongan kerana beliau adalah seorang kakitangan awam kerajaan yang memilih skim persaraan berpencen.

F16

Skim persaraan swasta dan anuiti tertangguh ('Deferred Annuity')

- Potongan ini berkuat kuasa mulai **Tahun Taksiran 2012 hingga 2021**.
- Potongan **tidak melebihi RM3,000** dibenarkan bagi jumlah caruman yang dibuat kepada Skim Persaraan Swasta (SPS) yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti dan bayaran premium untuk anuiti tertangguh.
- Jumlah potongan bagi caruman kepada SPS dan bayaran premium untuk anuiti tertangguh adalah **terhad kepada RM3,000 untuk individu dan RM3,000 untuk pasangan yang mempunyai punca pendapatan**. Jika suami atau isteri memilih **taksiran bersama**, potongan yang dibenarkan bagi jumlah caruman kepada SPS dan bayaran premium anuiti tertangguh adalah **terhad kepada RM3,000**.
- Rujuk Helaian Kerja HK-14.
- **Rujukan:** Ketetapan Umum No. 4/2014 (Anuiti Tertangguh); dan Ketetapan Umum No.9/2014 (Skim Persaraan Swasta).

Subseksyen 49(1D), 49(1E), 49(3), 50(2) dan 50(3) ACP 1967

| | | |
|-----|--|---|
| F17 | Insurans pendidikan dan perubatan | <p>Potongan tidak melebihi RM3,000 bagi premium insurans yang dibayar atas polisi pendidikan atau manfaat perubatan untuk individu, pasangan atau anak.</p> <p>Polisi pendidikan hendaklah mempunyai kriteria berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) polisi yang diambil adalah untuk diri sendiri, pasangan atau anak; (ii) benefisiari polisi adalah anak; (iii) jika orang yang diinsuranskan adalah ibu atau bapa, manfaat insurans hendaklah hak milik anak sebagai nomini polisi; (iv) jika orang yang diinsuranskan adalah anak- <ul style="list-style-type: none"> • adalah wajib nyawa orang yang membayar premium (ibu atau bapa) dilindungi (<i>payor benefit rider</i>); • jangkamasa <i>rider</i> mestilah sama dengan polisi asas; • sekiranya <i>rider</i> dipakej bersama dengan polisi asas dengan hanya satu premium, kesemua premium yang dibayar dibenarkan sebagai potongan; dan • sekiranya ibu atau bapa tidak layak untuk <i>payor benefit rider</i>, premium yang dibayar untuk polisi asas tidak layak mendapat potongan; (v) untuk polisi takaful, peserta adalah ibu atau bapa dan manfaat polisi mestilah dihibahkan kepada anak; (vi) jumlah matang untuk polisi konvensional dan polisi takaful mestilah dijadualkan untuk bayaran semasa umur anak di antara 13 dan 25 tahun. <p>Polisi perubatan hendaklah mempunyai kriteria berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) perbelanjaan mestilah berkaitan dengan rawatan perubatan yang disebabkan oleh penyakit atau kemalangan atau ketidakupayaan; (ii) perlindungan polisi adalah untuk tempoh 12 bulan atau lebih; (iii) polisi boleh diperolehi secara berasingan atau sebagai <i>rider</i> kepada polisi insurans nyawa. Sekiranya sebagai <i>rider</i>, hanya premium <i>rider</i> yang layak dituntut sebagai potongan; (iv) di mana perlindungan penyakit berat digandingkan dengan polisi asas, jumlah keseluruhan premium <i>rider</i> yang dibayar layak dituntut sebagai potongan; (v) di mana perlindungan penyakit berat dipakej bersama perlindungan nyawa/kemalangan persendirian, 60% daripada premium layak dituntut sebagai potongan; (vi) pekerja yang membayar premium dalam polisi perubatan berkelompok layak mendapat potongan; dan (vii) premium <i>waiver benefit rider</i> dan insurans untuk perbelanjaan perubatan dan perjalanan tidak layak mendapat potongan. <p>Potongan bagi jumlah bayaran premium insurans pendidikan dan premium insurans perubatan adalah terhad kepada RM3,000 untuk individu dan RM3,000 untuk pasangan yang mempunyai punca pendapatan. Jika suami atau isteri memilih Taksiran Bersama, potongan yang dibenarkan bagi jumlah bayaran premium insurans pendidikan dan premium insurans perubatan adalah terhad kepada RM3,000.</p> <p>Rujuk Helaian Kerja HK-14. Subseksyen 49(1B), 49(4) dan 50(2) ACP 1967.</p> |
| F18 | Caruman kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) | <p>Potongan tidak melebihi RM250 dibenarkan bagi sumbangan dalam tahun asas kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) yang dibuat atau ditanggung oleh individu mengikut Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969. Perenggan 46(1)(n) ACP 1967.</p> |

| F19 | Bayaran penginapan di premis penginapan yang berdaftar dengan Pesuruhjaya Pelancongan dan bayaran masuk ke tempat tarikan pelancong | <p>Perbelanjaan bagi bayaran penginapan di premis penginapan yang berdaftar dengan Pesuruhjaya Pelancongan dan bayaran masuk ke tempat tarikan pelancong untuk individu.</p> <p>Potongan yang dibenarkan bagi pelepasan ini adalah terhad kepada RM1,000 untuk bayaran yang dilakukan pada atau selepas 1 Mac 2020 hingga 31 Disember 2021.</p> <p>Jika suami atau isteri memilih Taksiran Bersama, potongan yang dibenarkan bagi perbelanjaan yang dilakukan oleh pasangan akan disifatkan dibelanjakan oleh suami / isteri yang mana taksiran dibangkitkan atas namanya terhad kepada RM1,000.</p> <p>Perenggan 46(1)(s) ACP 1967.</p> | | | | | | | | | | | | | | | | |
|--------------------|---|--|---------------|---------------------|----------------|-----|---|--------|--------------|-------------------|----------------|---------------|---------------------|-----|---|--------|---|---|
| F20 | Jumlah pelepasan | <p>Jumlah amaun dari ruang F1 hingga F19.</p> <p>Pindahkan amaun ini ke ruang B11.</p> | | | | | | | | | | | | | | | | |
| BAHAGIAN G: | | TUNTUTAN INSENTIF | | | | | | | | | | | | | | | | |
| G1 | Menuntut insentif di bawah perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 | <p><u>Perenggan 127(3)(b) ACP 1967</u></p> <p>Pengecualian yang diberikan oleh Menteri Kewangan kepada mana-mana kelas orang daripada mematuhi mana-mana peruntukan ACP 1967 secara umum atau berkenaan mana-mana pendapatan.</p> <p>Pengiraan insentif dan dokumen sokongan hendaklah disimpan untuk rujukan / semakan LHDNM sekiranya diperlukan kelak.</p> <p>Rujuk Lampiran D - Kod Tuntutan Insentif di muka surat 26 bagi menyemak senarai insentif dan melaporkan pendapatan dikecualikan cukai yang diterima dalam tahun taksiran.</p> <p>Contoh 1:</p> <p>Encik Alex seorang olahragawan profesional dan juga menerima pendapatan penggajian. Dalam tahun 2020, Alex menerima hadiah kemenangan sebanyak RM30,000 daripada kejohanan-kejohanan sukan yang disertai sepanjang tahun.</p> <p>Rujuk Lampiran D, penerimaan hadiah kemenangan tersebut adalah dikecualikan cukai di bawah kod tuntutan 601 dan perlu dilaporkan dalam ruangan ini.</p> <table border="1" data-bbox="512 1339 1505 1507"> <thead> <tr> <th>Kod</th> <th>Keterangan</th> <th>Amaun Diterima</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>601</td> <td>Wang hadiah yang diterima oleh olahragawan atau olahragawati profesional daripada kejohanan sukan yang disertai</td> <td>30,000</td> </tr> </tbody> </table> <p>Cara pengisian Ruang G1:</p> <table border="1" data-bbox="512 1615 1414 1720"> <thead> <tr> <th>Kod Tuntutan</th> <th>Baki Bawa Hadapan</th> <th>Amaun Dituntut</th> <th>Amaun Diserap</th> <th>Baki Hantar Hadapan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>601</td> <td>0</td> <td>30,000</td> <td>0</td> <td>0</td> </tr> </tbody> </table> | Kod | Keterangan | Amaun Diterima | 601 | Wang hadiah yang diterima oleh olahragawan atau olahragawati profesional daripada kejohanan sukan yang disertai | 30,000 | Kod Tuntutan | Baki Bawa Hadapan | Amaun Dituntut | Amaun Diserap | Baki Hantar Hadapan | 601 | 0 | 30,000 | 0 | 0 |
| Kod | Keterangan | Amaun Diterima | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 601 | Wang hadiah yang diterima oleh olahragawan atau olahragawati profesional daripada kejohanan sukan yang disertai | 30,000 | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Kod Tuntutan | Baki Bawa Hadapan | Amaun Dituntut | Amaun Diserap | Baki Hantar Hadapan | | | | | | | | | | | | | | |
| 601 | 0 | 30,000 | 0 | 0 | | | | | | | | | | | | | | |

| G2 | Menuntut insentif di bawah subseksyen 127(3A) Akta Cukai Pendapatan 1967 | <p><u>Perenggan 127(3A) ACP 1967</u></p> <p>Pengecualian yang diberikan oleh Menteri Kewangan kepada mana-mana orang tertentu daripada mematuhi mana-mana peruntukan ACP 1967 secara umum atau berkenaan mana-mana pendapatan.</p> <p>Isikan Nombor Siri Surat Kelulusan Insentif dari Kementerian Kewangan dan masukkan amaun berkenaan.</p> <p>Surat Kelulusan Menteri, pengiraan insentif dan dokumen sokongan hendaklah disimpan untuk rujukan / semakan LHDNM sekiranya diperlukan kelak.</p> <p>Contoh 1: Isikan Nombor Siri Surat Kelulusan Insentif dari Kementerian Kewangan dan masukkan amaun pendapatan yang dikecualikan cukai.</p> <table border="1" data-bbox="512 613 1417 719"> <thead> <tr> <th>No. Kelulusan Insentif</th> <th>Baki Bawa Hadapan</th> <th>Amaun Dituntut</th> <th>Amaun Diserap</th> <th>Baki Hantar Hadapan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>CP1234/2019</td> <td>0</td> <td>45,000</td> <td>45,000</td> <td>0</td> </tr> </tbody> </table> | No. Kelulusan Insentif | Baki Bawa Hadapan | Amaun Dituntut | Amaun Diserap | Baki Hantar Hadapan | CP1234/2019 | 0 | 45,000 | 45,000 | 0 |
|------------------------|--|--|------------------------|---------------------|----------------|---------------|---------------------|-------------|---|--------|--------|---|
| No. Kelulusan Insentif | Baki Bawa Hadapan | Amaun Dituntut | Amaun Diserap | Baki Hantar Hadapan | | | | | | | | |
| CP1234/2019 | 0 | 45,000 | 45,000 | 0 | | | | | | | | |
| BAHAGIAN H | | PENDAPATAN BUKAN PENGGAJIAN BAGI TAHUN KE BELAKANG YANG BELUM DILAPORKAN | | | | | | | | | | |
| H1 – H2 | <p>Pendapatan SELAIN daripada pengajian yang diterima berkenaan tahun / tahun-tahun terdahulu yang belum dilaporkan.</p> <p><i>Contoh:</i> Pendapatan sewa atau faedah.</p> <p>Gunakan lampiran berasingan sekiranya ruangan yang disediakan tidak mencukupi.</p> | | | | | | | | | | | |
| BAHAGIAN J | | MAKLUMAT FIRMA DAN TANDATANGAN ORANG YANG MENYEDIAKAN BORANG NYATA INI | | | | | | | | | | |
| J1 – J4 | <ul style="list-style-type: none"> No. kelulusan ejen cukai adalah nombor kelulusan yang diberikan kepada ejen cukai yang diluluskan di bawah subseksyen 153(3) ACP 1967. Bahagian ini perlu diisi dan ditandatangani oleh ejen / wakil cukai yang menyediakan borang nyata ini. | | | | | | | | | | | |

| JADUAL CUKAI TAHUN TAKSIRAN 2020 | | | | | | | |
|----------------------------------|--|-------------|---------------------------|---------------------------|-------------------|--------------------|--|
| KATEGORI | BANJARAN PENDAPATAN BERCUKAI (a) | | PENGIRAAN RM (b) | | KADAR % (c) | CUKAI RM (d) | |
| A | 0 | - 5,000 | 5,000 | pertama | 0 | 0 | |
| B | 5,001 | - 20,000 | 5,000 15,000 | pertama berikutnya | 1 | 0 150 | |
| C | 20,001 | - 35,000 | 20,000 15,000 | pertama berikutnya | 3 | 150 450 | |
| D | 35,001 | - 50,000 | 35,000 15,000 | pertama berikutnya | 8 | 600 1,200 | |
| E | 50,001 | - 70,000 | 50,000 20,000 | pertama berikutnya | 14 | 1,800 2,800 | |
| F | 70,001 | - 100,000 | 70,000 30,000 | pertama berikutnya | 21 | 4,600 6,300 | |
| G | 100,001 | - 250,000 | 100,000 150,000 | pertama berikutnya | 24 | 10,900 36,000 | |
| H | 250,001 | - 400,000 | 250,000 150,000 | pertama berikutnya | 24.5 | 46,900 36,750 | |
| I | 400,001 | - 600,000 | 400,000 200,000 | pertama berikutnya | 25 | 83,650 50,000 | |
| J | 600,001 | - 1,000,000 | 600,000 400,000 | pertama berikutnya | 26 | 133,650 104,000 | |
| K | 1,000,001 | - 2,000,000 | 1,000,000 1,000,000 | pertama berikutnya | 28 | 237,650 280,000 | |
| L | Melebihi 2,000,000 | | 2,000,000 | pertama | 30 | 517,650 | |
| | | | Setiap ringgit berikutnya | Setiap ringgit berikutnya | | | |

| KOD NEGARA | | | | | |
|--|-----|---------------------|-----------|----------------|-----|
| Sebahagian dari kod negara untuk pilihan. Rujuk Lampiran E untuk senarai lengkap jika negara pilihan tidak disenaraikan. | | | | | |
| Negara | Kod | Nama | Kod | Nama | Kod |
| Australia | AU | Iran (Islamic R.O.) | IR | Philippines | PH |
| Bangladesh | BD | Iraq | IQ | Saudi Arabia | SA |
| Brunei | BN | Japan | JP | Singapore | SG |
| Cambodia | KH | Korea, D.P.R. | KP | South Africa | ZA |
| Canada | CA | Korea, R.O. | KR | Sri Lanka | LK |
| China | CN | Laos, D.P.R. | LA | Taiwan | TW |
| Denmark | DK | Malaysia | MY | Thailand | TH |
| Hong Kong | HK | Myanmar | MM | United Kingdom | GB |
| India | IN | New Zealand | NZ | United States | US |
| Indonesia | ID | Pakistan | PK | Vietnam | VN |

Nota: R.O. = Republic of;

D.P.R. = Democratic People's Republic of

KOD TUNTUTAN INSENTIF

Senarai ini disediakan sebagai rujukan umum bagi kategori pembayar cukai individu. **Pembayar cukai hendaklah merujuk kepada peruntukan undang-undang di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 dan warta Kerajaan yang berkenaan bagi menentukan kelayakan sebelum menuntut mana-mana insentif yang disenaraikan dalam Lampiran ini.** Tuntutan insentif boleh ditarik dan tertakluk kepada penalti, sekiranya didapati insentif dituntut oleh pembayar cukai yang tidak layak membuat tuntutan berkenaan.

NOTA:

Taraf mastautin - Rujuk Ketetapan Umum No. 11/2017 berkaitan taraf mastautin individu.

1. Insentif Di Bawah Perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 – Selain Perniagaan

| Kod | Jenis Pendapatan | Rujukan | Tempoh Pemakaian | Kategori Yang Layak |
|-----|---|------------------|----------------------------|----------------------------|
| 601 | Wang hadiah yang diterima oleh olahragawan atau olahragawati profesional daripada kejohanan sukan yang disertai | P.U.(A) 428/1990 | Mulai TT 1990 | Individu |
| 602 | Pencen atau ganjaran kepada Hakim daripada kalangan anggota-anggota perkhidmatan awam | P.U.(A) 336/1993 | Mulai TT 1980 | Individu |
| 603 | Pendapatan kasar pemandu kereta / motosikal lumba yang menyertai perlumbaan bertaraf antarabangsa yang diadakan di Malaysia & pendapatan statutori penganjur perlumbaan/ motosikal yang menganjurkan perlumbaan bertaraf antarabangsa yang diadakan di Malaysia | P.U.(A) 501/2000 | Mulai TT 1999 | Individu |
| 604 | Pendapatan yang diperolehi dari sumber luar Malaysia dan diremitkan ke Malaysia bagi warganegara Malaysia & isteri / suami yang telah diluluskan oleh Jawatan kuasa Khas Kementerian Sumber Manusia | P.U.(A) 67/2001 | Mulai 1.1.2001 | Individu warganegara |
| 605 | Penggajian dengan suatu syarikat ibu pejabat operasi atau suatu pejabat serantau | P.U.(A) 382/2003 | Mulai TT 2003 | Individu bukan warganegara |
| 606 | Elaun produktiviti dan elaun isentif yang diterima oleh juruterbang dan anak kapal kabin yang berkhidmat dengan Sistem Penerbangan Malaysia Berhad | P.U.(A) 230/2006 | Mulai TT 2005 | Individu |
| 607 | Bayaran daripada penyertaan dalam Program Kerjasama Teknikal Malaysia | P.U.(A) 18/2008 | Mulai TT 2007 | Individu |
| 608 | Penggajian dengan suatu syarikat pusat pengedaran serantau atau syarikat pusat perolehan antarabangsa | P.U.(A) 101/2008 | Mulai TT 2008 | Individu bukan warganegara |
| 609 | Pendapatan Pengarah entiti Labuan | P.U.(A) 419/2011 | Mulai TT 2011 - TT 2020 | Individu bukan warganegara |
| 610 | Pengecualian 50% pendapatan kasar bagi individu yang menjalankan pekerjaan bersifat pengurusan dengan entiti Labuan | P.U.(A) 420/2011 | Mulai TT 2011 - TT 2020 | Individu bukan warganegara |

| Kod | Jenis Pendapatan | Rujukan | Tempoh Pemakaian | Kategori Yang Layak |
|-----|--|--|---|---|
| 611 | Pengecualian sebanyak 50% ke atas Elaun kasar perumahan dan elaun kasar Wilayah Labuan bagi individu yang menjalankan penggajian di Labuan dengan entiti Labuan | P.U.(A) 421/2011 | Mulai TT 2011 - TT 2020 | Individu warganegara |
| 612 | Pendapatan berkaitan penggajian bagi individu diluluskan sebagai pekerja berpengetahuan | P.U.(A) 344/2010 | Mulai TT 2010 | Warganegara Malaysia atau warga asing |
| 613 | Pendapatan berkaitan penggajian bagi individu diluluskan di bawah Program Kepulangan Pakar | P.U.(A) 151/2012 | Mulai TT 2012 | Individu warganegara yang bermastautin |
| 614 | Penggajian dengan sebuah pusat pengurusan perbendaharaan | P.U.(A) 184/2012 | Mulai TT 2012 | Individu bukan warganegara |
| 615 | Perolehan atau keuntungan hasil daripada penggajian dengan Tabung Infrastruktur ASEAN Berhad | P.U.(A) 447/2012 | Mulai 24.4.2012 | Individu bukan pemastautin |
| 616 | Keuntungan pelaburan dalam platform akaun pelaburan (IAP) bagi Orang yang layak bagi 3 tahun taksiran berturut-turut | P.U.(A) 113/2016 | Pelaburan mulai 01.04.2016 - 31.03.2019 | Individu |
| 617 | Pendapatan yang diterima oleh individu tidak bermastautin di Malaysia daripada mana-mana institusi atau organisasi keagamaan | P.U.(A) 137/2019 | Mulai 01.02.2019 | Individu Tidak Bermastautin |
| 618 | Pendapatan pekerja daripada pembayaran cukai pendapatan berhubung dengan amaun Pinjaman Pendidikan Perbadanan (PTPTN) yang dibayar majikan yang diterima sebagai hadiah daripada majikan | P.U.(A) 414/2019 [meminda P.U.(A) 205/2019] | Mulai TT 2019 - TT 2021 | Individu |
| 619 | Pendapatan penggajian individu wanita yang layak yang kembali bekerja selepas berhenti bekerja sementara (<i>career break</i>) | P.U.(A) 30/2020 [meminda P.U.(A) 226/2019] | Mulai TT 2018 - TT 2024 | Individu |
| 620 | Pengeluaran daripada suatu skim persaraan swasta sebelum umur 55 tahun yang diluluskan di bawah Akta Pasaran Modal Dan Perkhidmatan 2007 | P.U.(A) 153/2020 | TT 2020 | Individu |
| 621 | Pengecualian pekerja daripada pembayaran cukai pendapatan di bawah Program Pengekalan Pekerjaan yang diuruskan oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial di bawah Pakej Ransangan Ekonomi 2020 | P.U.(A) 307/2020 | TT 2020 | Individu |
| 622 | Pengecualian pekerja daripada pembayaran cukai pendapatan ke atas nilai manfaat telefon pintar, tablet atau komputer peribadi yang diterima daripada majikan, terhad kepada RM5,000. | P.U.(A) 30/2021 | Mulai TT 2020 | Individu perkerja tidak termasuk: - Pemilik tunggal - Rakan kongsi - Pekerja yang ada kawalan ke atas syarikat |